



buletin **Mutiara**



PERCUMA

www.buletinmutiara.com

16 – 31 MAC, 2018



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

Prestasi pelaburan Pulau Pinang 2017 meningkat 150%, cecah RM10.81 billion

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Pulau Pinang terus merekodkan peningkatan yang memberangsangkan bagi pelaburan diluluskan pada tahun 2017 dengan nilai pelaburan keseluruhan mencecah RM10.81 billion.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2017 meningkat sehingga 150 peratus berbanding RM4.29 billion dicatatkan pada tahun 2016.

"Prestasi keseluruhan negeri Pulau Pinang pada tahun lalu adalah lebih baik berbanding prestasi nasional, dan jika dilihat jumlah pelaburan negeri meningkat 90 peratus menjadi RM70.04 billion antara tahun 2008 hingga 2017 berbanding 10 tahun sebelumnya iaitu antara tahun 1998 hingga 2007 yang mencatatkan RM36.85 billion. (Rujuk Jadual 1).

"(Dan) statistik (terkini) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menunjukkan Pulau Pinang berada di tangga ke-2 di belakang Johor yang mencatat jumlah pelaburan RM21.92 billion," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Laporan statistik MIDA menunjukkan Johor berada di tangga teratas dengan jumlah pelaburan bagi tahun 2017 adalah RM21.92 billion, diikuti Pulau Pinang (RM10.81 billion), Sarawak (RM10.53 billion), Selangor (RM5.59 billion) dan Melaka (RM4.65) menjadikan kelima-lima negeri ini menyumbang 84 peratus kepada jumlah pelaburan keseluruhan negara. (Rujuk Jadual 2).

Pun begitu, Guan Eng memberitahu, pelaburan langsung asing (FDI) ke Pulau Pinang berada di kedudukan paling tinggi berbanding semua negeri lain iaitu RM8.03 billion sehingga September 2017.

Menurutnya, sektor pelaburan menjadi penyumbang terbesar peningkatan pelaburan negeri berbanding sektor-sektor lain.

Sungguhpun keadaan ekonomi Malaysia agak mencabar tahun lalu, namun bagi Pulau Pinang, Guan Eng menyatakan bahawa usaha akan diteruskan untuk terus menarik kemasukan pelaburan yang berkualiti pada masa hadapan.

"Tentunya kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) akan memastikan ada ruang-ruang untuk pelaburan terutama dalam sektor GBS (Pusat Perkhidmatan Perniagaan Global) dan dengan (inisiatif pembinaan) 'GBS by the Sea' akan membolehkan syarikat di sektor pembuatan maju setapak lagi di Pulau Pinang.

"(Dan) pastinya prestasi memberangsangkan ini dapat dikecapi dengan adanya pentadbiran yang baik, kestabilan politik, fokus terhadap inisiatif menarik pelabur dan bakat yang berkebolehan serta kompeten," katanya.

Summary Investments & Potential Employment in Penang

	Year 1998 - 2007	Year 2008 - 2017	Percentage
Total Investments (RM Million)	36,855.14	70,041.78	90.0%
Potential Employment	132,422	*150,245 (as at Sep 2017)	13.5%

**Note: Employment for Penang for full 2017 has not been released by MIDA as of today*

JADUAL 1 menunjukkan ringkasan pelaburan dan potensi peluang pekerjaan di Pulau Pinang bagi tahun 1998 - 2007 dan 2008 - 2017. (Sumber : MIDA).

State	No.	2017			2016			Total Proposed Capital Investment (RM)
		Domestic Investment (RM)	Foreign Investment (RM)	Total Proposed Capital Investment (RM)	No.	Domestic Investment (RM)	Foreign Investment (RM)	
Johor	146	16,825,064,701	5,102,708,911	21,927,773,612	165	15,215,538,019	11,195,039,986	26,410,578,005
Pulau Pinang	120	2,271,389,590	8,540,493,588	10,811,883,178	106	1,236,973,529	3,056,916,908	4,293,890,437
Sarawak	20	10,182,900,344	351,489,945	10,534,390,289	13	2,463,576,686	2,171,730,846	4,635,307,532
Selangor	202	3,427,583,083	2,164,898,536	5,592,481,619	242	4,529,119,807	3,351,647,567	7,880,767,374
Melaka	37	2,396,891,660	2,257,779,699	4,654,671,359	23	679,280,110	675,495,170	1,354,775,280
Pahang	19	2,138,864,364	823,137,947	2,962,002,310	19	385,016,257	498,095,003	883,111,260
Kedah	41	1,374,858,158	1,160,094,013	2,534,952,171	35	615,397,441	1,567,856,898	2,183,254,339
Perak	45	1,673,125,203	333,969,245	2,007,094,448	55	2,843,925,353	1,102,246,895	3,946,172,248

Source: MIDA

JADUAL 2 menunjukkan jumlah pelaburan yang diluluskan mengikut negeri bagi tahun 2016 dan 2017. (Sumber: MIDA).

Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran, Exco harap dapat memanfaatkan masyarakat Islam



ABDUL MALIK ABUL KASSIM (berdiri, kiri) ketika berucap sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2018M/1439H di Masjid Al-Qahhar, Permatang Damar Laut di sini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

BATU MAUNG – Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berharap pengisian pelbagai program keagamaan dan ilmiah sempena Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran dapat memanfaatkan masyarakat Islam terutama dalam aspek kerohanian.

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun ini telah meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM350,000 bagi menjayakan keseluruhan 10 aktiviti utama yang dirancang.

“Antaranya, Program Jelajah Ibrahim Al-Quran yang lebih bersifat mendekati masyarakat sehingga ke akar umbi, Program Celik Al-Quran, Program Seminar Al-Quran, Hafazan dan Talaqi Al-Quran, Tahsin dan Tafsir, Khutbah Medium Wahyu Ilahi, bacaan kitab, Nuzul Quran serta Street Dakwah.

“Semua aktiviti tersebut terdapat penambahbaikan terutama dalam mendidik dan membawa umat Islam mendekati Al-Quran kerana keadaan masa kini adalah amat membimbangkan apabila ada dalam kalangan umat Islam yang masih tidak dapat membaca Al-Quran,” ucapnya pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2018M/1439H di Masjid Al-Qahhar, Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis pelancaran, Yang di-Pertua Negeri (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas bersama-sama isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Mufti Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus antara kenamaan yang hadir pada majlis pelancaran tersebut.

Menurut Abdul Malik, Kerajaan Negeri semjak tahun 2008 sehingga kini telah memperuntukkan RM244 juta bertujuan

mengukuhkan serta menambah baik pendidikan Islam serta aktiviti berkaitan Islam di negeri ini.

“Oleh itu, saya sangat berbesar hati mengajak semua warga negeri untuk sama-sama mengimarahkan program-program sepanjang bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan. Semoga dengan adanya program sebegini dapat menyemarakkan lagi semangat cintakan Al-Quran,” serunya.

Kenzon Yeoh, insan istimewa cemerlang SPM terima penghargaan

GEORGE TOWN – Kejayaan luar biasa seorang pelajar cacat penglihatan, Kenzon Yeoh, 18, yang berjaya meraih keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini memperoleh penghargaan daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Kenzon dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) George Town memperoleh 7A dalam semua mata pelajaran sekaligus menobatkannya sebagai pelajar paling cemerlang di sekolahnya mengatasi 114 pelajar lain.

Guan Eng dalam majlis ringkas meraikan kejayaan tersebut berkata, Kenzon wajar dijadikan contoh kerana di atas komitmen dan semangat juangnya yang tinggi, beliau telah membuktikan kekurangan dirinya bukan penghalang untuk menempa kejayaan.

“Ini mungkin adalah rekod buat Pulau Pinang dan negara.

“Dia (Kenzon) gigih memperbaiki diri dan mencapai prestasi paling cemerlang dalam SPM... ini bermakna sekiranya kita mempunyai semangat gigih, tak ada apa-apa yang boleh menghalang kita daripada mencapai kejayaan,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Phee Booh Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Joseph Ng Soon Siang (Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP).

Pada majlis tersebut, Guan Eng sendiri menyerahkan sumbangan wang penghargaan RM500 kepada Kenzon sambil ditemani ibu bapanya.

Bercakap kepada pemberita, Kenzon menyatakan bahawa meskipun tergolong



KENZON YEOH.

dalam golongan orang kurang upaya (OKU), namun beliau tidak pernah menyesali kekurangan pada dirinya, sebaliknya menjadikan ia sebagai batu penggalas dan semangat untuk mencabar diri menjadi insan cemerlang.

“Kejayaan ini adalah atas usaha semua yang tak jemu-jemu membantu saya terutamanya ibu bapa yang setiap hari terpaksa berulang-alik menghantar saya ke sekolah dari Seberang Perai ke pulau.

“Juga para guru, rumah kebajikan St. Nicholas Home dan Kerajaan Negeri di atas sokongan dan dorongan anda semua,” ujarnya yang bercita-cita tinggi untuk menjadi seorang Pengaturcara Komputer (Programmer) bagi membantu insan senasibnya mahir dalam bidang pengkomputeran.

Difahamkan, Kenzon enam tahun lalu turut menerima penghargaan daripada Ketua Menteri di atas kecemerlangan beliau di dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).



Pembangunan seimbang pulau, Seberang Perai

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

SEBERANG JAYA

- Kerajaan Negeri akan memastikan pembangunan di bahagian pulau dan Seberang Perai dilaksanakan secara seimbang.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Pecah Tanah Tapak Sementara Kompleks Pasar & Pusat Penjaja Jalan Tenggiri di sini 11 Mac lalu.

Menurutnya, pembangunan sebegini wajar dijalankan bagi

menjamin Pulau Pinang dipacu ke arah sebuah negeri bertaraf pintar dan antarabangsa.

"Jika dahulu semasa Barisan Nasional (BN) memerintah negeri, pembangunan kebanyakannya hanya tertumpu di kawasan pulau sahaja.

"Tetapi kini, di bawah pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang, tumpuan kepada Seberang Perai akan diselaraskan melalui dasar pembangunan seimbang.

"Untuk menjadi sebuah negeri pintar dan antarabangsa, Seberang Perai juga harus mencapai matlamat yang sama," ujar beliau.



KETUA MENTERI bersama-sama Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dekat Majlis Pecah Tanah Tapak Sementara Kompleks Pasar & Pusat Penjaja Jalan Tenggiri di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk tapak yang bakal dibangunkan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Seberang Jaya), barisan Exco Kerajaan Negeri, Dato' Sr. Rozali Mohamud (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC).

Ahli Parlimen Permatang Pauh merangkap Ketua Pembangkang Malaysia, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Nurul Izzah Anwar (Ahli Parlimen Lembah Pantai) antara tetamu kehormat lain turut serta.

Proses relokasi penjaja sedia ada ke tapak baharu sementara berdekatan adalah bagi memberi laluan untuk tapak Kompleks Pasar Awam dan Pusat Penjaja sedia ada dibangunkan semula dengan nilai pembangunan berjumlah RM18 juta.

Manakala, anggaran kos pembangunan tapak sementara berjumlah RM1.5 juta.

Mengulas lanjut, Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan berkata, semenjak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM3.5 bilion membabitkan projek-projek pembangunan.

"77 peratus daripadanya dengan anggaran RM2.3 bilion adalah untuk kawasan Seberang Perai," jelasnya.

TPM80PP diperkenal selepas TP1M Pusat 'dianak tirikan' rakyat Malaysia di Pulau Pinang – Exco

BATU LANCANG - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP) kerana Kerajaan Pusat melalui Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia sejak tahun 2013 seakan mengabaikan rakyat Malaysia di negeri Pulau Pinang.

"Sejak TP1M diperkenalkan, sebanyak 143 permohonan telahpun dibuat oleh persatuan penduduk rumah pangsa di Pulau Pinang, tetapi sehingga kini, dalam rekod saya, hanya 29 projek diluluskan.

"Saya begitu hampa dengan Kerajaan Pusat yang telah menganaktirikan rakyat Malaysia yang mendiami Pulau Pinang, daripada segi kelulusan projek-projek penyelenggaraan di bawah TP1M," tegasnya kepada pemberita selepas turun sendiri meninjau keadaan uzur bumbung rumah pangsa Taman Medan Penaga Blok 77 di sini 12 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Danny Law Heng Kiang yang juga Exco Pembangunan Pelancongan Negeri Pulau Pinang.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri melalui TPM80PP meluluskan RM32,680 sahaja untuk kerja-kerja tukar

ganti bumbung pada rumah pangsa tersebut, manakala baki RM8,170 lagi atau 20 peratus daripada RM40,850 kos keseluruhan projek penyelenggaraan yang sepatutnya ditanggung oleh persatuan penduduk terbabit akan dibiayai Heng Kiang.

"Kehadiran saya di sini hanya untuk menyerahkan surat kelulusan TPM80PP ini sahaja, kerja-kerja penyelenggaraan akan mengambil masa dua bulan dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei ini," jelasnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Sejak TPM80PP diperkenalkan pada tahun 2012, Jagdeep menyatakan bahawa sehingga kini, kira-kira RM31 juta telahpun dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan rumah pangsa didiami rakyat berpendapatan rendah.

Tambahnya, Kerajaan Negeri melalui TPM80PP juga telah meluluskan 114 permohonan membabitkan kerja-



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali), Danny Law Heng Kiang (berkemeja putih) bersama-sama penduduk setempat menunjukkan dokumen kelulusan TPM80PP di sini baru-baru ini.

kerja penyelenggaraan rumah pangsa swasta kos rendah dan sederhana rendah, seperti di Taman Medan Penaga Blok 77 ini.

PBAPP sedia ambil alih semula Empangan Mengkuang, dengan syarat-syarat tertentu – Jaseni

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ADLEENA RAHAYU MOHD.
RADZI

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) bersedia untuk mengambil alih semula Empangan Mengkuang daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) setelah ia diperbesarkan kini, ujar Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Walau bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP tersebut berkata, pengambilalihan semula tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah dimaklumkan melalui sepucuk surat kepada kementerian berkenaan pada 7 Februari lalu.

Jelasnya, KeTTHA perlu mematuhi syarat-syarat tersebut terlebih dahulu sebelum ia menyerahkan Empangan Mengkuang dan Rumah Pam Mak Sulong yang baru dinaik taraf kepada PBAPP.

"Untuk makluman, komponen satu dan dua iaitu pembesaran empangan dan menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong yang baru telah selesai."

"Kini, hanya komponen tiga sahaja belum selesai iaitu menyiapkan projek saluran paip air mentah yang pada asalnya bernilai RM100 juta dari Rumah Pam Mak Sulong di Seberang Perai Utara (SPU) ke Terusan Sungai Dua sepanjang 6.85 kilometer (km), dan ia dijangka siap menjelang Mac Tahun 2020," ujarnya pada sidang media di sini 22 Mac lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi

PBAPP, Ir. Chong Meng Choon, Ir. Mohd. Jasni Abdullah (Ketua Bahagian Fasiliti PBAPP), Ir. Jamil Mohd. Noor (Pengurus Perancang & Pembangunan PBAPP), Mariam Abd. Kadir (Ketua Bahagian Operasi PBAPP) dan Teo Kah Cheong (Ketua Bahagian Sumber Manusia PBAPP) yang juga merupakan pasukan yang akan mengetuai pengambilalihan serta pengurusan Empangan Mengkuang kelak.

Empangan Mengkuang yang baru diperbesarkan tersebut mampu menampung sehingga 73.5 bilion kapasiti air dengan kos kira-kira RM1 bilion yang ditanggung sepenuhnya oleh KeTTHA.

Difahamkan, sehingga 21 Mac 2018, empangan tersebut mempunyai kapasiti kira-kira 24.2 peratus dan jangkaan ia akan penuh adalah dalam jangka masa dua tahun lagi.

Mengulas lanjut, Jaseni menyatakan bahawa antara syarat lain yang perlu dipenuhi KeTTHA ialah membaiki semula 23 cerun di tapak empangan yang telah runtuh dalam tempoh September hingga November tahun lalu.

"KeTTHA perlu mengambil langkah-langkah membaik-pulih cerun di sepanjang perimeter 11 kilometer (km) di sekitar empangan dan rumput di bahu empangan yang mana kos ini akan ditanggung mereka."

"Bagaimanapun, kawasan empangan ini perlu ditutup kepada orang awam semasa kerja-kerja membaik-pulih dijalankan untuk tujuan keselamatan," ujarnya sambil memaklumkan bahawa



IR. Jaseni Maidinsa (tiga dari kiri) bersama-sama pasukan pengurusan PBAPP pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Empangan Mengkuang mencatatkan kehadiran 5,000 pengunjung setiap hujung minggu yang lazimnya menjadikan kawasan tersebut sebagai lokasi berjoging dan beriadah.

Justeru, Jaseni menzahirkan harapan agar pengambilalihan tersebut dapat disegerakan memandangkan pihaknya (PBAPP) perlu membuat persediaan sebelum tibanya musim hujan pada penghujung Ogos nanti.

"Projek ini adalah salah satu daripada rancangan strategik PBAPP untuk

pastikan polisi Kerajaan Negeri tanpa catuan air dapat dilaksanakan dan memastikan bekalan air untuk negeri Pulau Pinang selepas tahun 2020 adalah mencukupi.

"Diharap proses mengambil alih dapat dipercepatkan memandangkan kita (PBAPP) perlu membuat persediaan menggunakan Rumah Pam Mak Sulong untuk mengepam jumlah air hujan banyak yang turun sekitar Ogos nanti...bukan sahaja dapat kutip air hujan, sekaligus mengurangkan impak banjir," katanya.

RM13.94 juta demi kurang risiko banjir di Machang Bubok, tunjuk komitmen KN demi rakyat

MACHANG BUBOK - RM7.26 juta Pakej 2 Projek Parit Lencongan Permatang Tinggi yang siap dibina juga dibayai oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, selepas RM6.68 juta Pakej 1 projek serupa siap pada tahun lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pentadbirannya berharap projek pemajuan itu dapat mengurangkan lagi risiko banjir kiat yang sering kali melanda beberapa kawasan sekitar di sini.

"Kini, Pakej 2 yang meliputi pembinaan pintasan sepanjang 1.8 kilometer (km) bermula dari Taman Impian Murni dan berakhir di Taman Permatang Tinggi telah siap dibina sepenuhnya pada tahun ini dan berperanan untuk menyalurkan sebahagian 38 peratus daripada kadar alir Sungai Junjung Mati ke Parit Permatang."

"Dengan adanya projek ini, kadar alir ke bahagian hilir

Sungai Junjung Mati dapat dikurangkan dan seterusnya boleh mengurangkan masalah banjir," jelasnya pada majlis perasmian projek itu di sini 8 Mac lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Mohd. Azmin Hussin turut serta majlis itu.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri melalui JPS, MPSP, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebenarnya memperuntukkan kira-kira RM220 juta, iaitu peruntukan tahunan paling besar dalam sejarah Pulau Pinang untuk pelbagai projek pembangunan demi mengurangkan risiko banjir.

Tambahnya, Kerajaan Negeri sanggup memperuntukkan jumlah



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyaksikan majlis bertukar dokumen perjanjian Pakej 2 Projek Parit Lencongan Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.

sebesar itu, kerana mengambil kira faktor perubahan iklim, sehingga mengakibatkan Pulau Pinang menerima taburan hujan serta bah besar

beberapa kali baru-baru ini.

"Semua projek ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek

yang benar-benar memberi kepentingan kepada rakyat setempat," jelasnya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

TUTM batu loncatan bantu usahawan tani muda dapat pinjaman modal lebih besar

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

TABUNG Usahawan Tani Muda (TUTM) diperkenalkan demi membantu usahawan tani muda di bawah usia 40 tahun mengembangkan perniagaan masing-masing sebelum mendapatkan modal yang lebih besar daripada institusi kewangan lain.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sejak tahun 2014 mengagihkan sejumlah RM470,000 kepada 91 anak muda termasuk tujuh lagi penerima terbaru skim pinjaman mikro kredit tersebut.

Beliau memberitahu, pihaknya sedang berusaha meningkatkan jumlah had pinjaman skim daripada RM5,000 kepada RM10,000, RM15,000 hingga RM20,000.

"Ini adalah salah satu program untuk memperkuasa komuniti terutama dalam kalangan usahawan muda, melalui suntikan dana bantuan pinjaman mikro kredit.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh menawarkan pinjaman lebih daripada RM20,000 kerana di luar sana ada banyak lagi geran pinjaman lebih besar, termasuk (ditawarkan) oleh Agro Bank dan SME Bank.

"Skim ini umpama batu loncatan... supaya usahawan tani muda dapat mengembangkan perniagaan masing-masing lalu melayakkan mereka mendapatkan pinjaman modal yang lebih besar daripada bank-bank lain kelak," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di Ladang Buah Naga dekat Sungai Lembu, Penanti baru-baru ini.

ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin turut berucap pada majlis sama, anjuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) iaitu agensi negeri yang menguruskan satu lagi skim pinjaman mikro kredit, Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR).

Hadir sama, wakil kepada Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Rozaidi Abdul Rahman; Pegawai Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Mohd. Reduan Ahmad serta Pegawai Eksekutif PTSR, Ajri Zarith Nur Ahmad.

Sementara itu, **AZLEENA HASAN**, 39, usahawan wanita dalam bidang



DR. Afif Bahardin (tujuh dari kiri) dan Dr. Norlela Ariffin (lima dari kiri) merakamkan gambar kenang-kenangan dengan para penerima skim pinjaman mikro kredit TUTM di sini baru-baru ini.

penternakan madu kelulut sejak empat tahun lepas di Hutan Pelajaran Air Itam Dalam dekat Sungai Dua, Tasek Gelugor.

Beliau merupakan penerima pinjaman TUTM kali kedua dengan kadaran RM10,000.

"Bayaran balik pinjaman TUTM sepatutnya dalam tempoh dua tahun, tapi saya langsaikan dalam tempoh setahun sahaja.

"Projek keusahawanan madu kelulut ini saya buat sudah empat tahun.

"Alhamdulillah, proses kelulusan pinjaman ini pun mudah dan cepat, dan saya sokong sekiranya had pinjaman mikro kredit tanpa riba kali pertama ini adalah RM10,000," jelasnya kepada pemberita.



NUR AQILAH DIYANA ABDUL LATIFF.

Penerima, **NUR AQILAH DIYANA ABDUL LATIFF**, 22, turut mengaku bahawa TUTM merupakan 'batu loncatan' untuk beliau mendapatkan pinjaman lebih besar daripada bank, demi mengembangkan produk keusahawanan kek 'Siti Delights'.

"Proses pinjaman kurang tiga bulan, tak susah proses mohon pinjaman, asalkan

ikut prosedur semua.

"Skim ini perlu diteruskan, kerana saya sendiri memerlukan pinjaman mudah untuk memperbesarkan perniagaan saya, sebelum memohon pinjaman yang lebih besar daripada Agro Bank umpamanya selepas ini," ujar beliau.

Tambahnya, had umur layak meminjam TUTM juga sepatutnya di bawah 50 tahun, bukan 40 tahun memandangkan Pulau Pinang mahu dikenali sebagai 'Negeri Keusahawanan Dan Kebajikan'.



ROZITA AHMAD.

Bagi **ROZITA AHMAD**, 39, beliau turut melahirkan rasa gembira kerana perniagaan roti kukus berpangkalan di Pusat Peladang, Bukit Mertajam turut berjaya mendapat skim pinjaman mikro kredit berkaitan.

"Proses pinjaman TUTM saya ini diluluskan kira-kira tak sampai sebulan, dengan bantuan daripada Jabatan Pertanian Daerah.

"Ini bukan roti yang bakar, tapi roti versi kukus, ini semacam projek keusahawanan inovatif, cuma ia masih baru dan saya masih belum buat penjenamaan lagi.

"Projek keusahawanan ini saya buat sudah masuk tahun yang kedua dan buat masa sekarang ini, RM5,000 ini saya nak buat pusingan modal," katanya.

Nada sama turut dikongsi seorang lagi penerima, **ISMA MOHAMAD IBAILULLAH AHMAD RANI**, 20-an, usahawan projek tani pokok bonsai komersial dekat Samagagah, Parlimen Permatang Pauh.

Dikenali sebagai 'Art Bonsai' di laman sosial Facebook, ladang dengan keluasan setengah ekar dibuka hampir tujuh tahun, dengan hasil kasar tahunan kira-kira RM12,000.

"Kerja secara sambilan, selain bonsai, saya ada jual juga pokok orkid dan pokok tin...paling jauh, saya pos pokok ke Sabah dan Sarawak.

"Alhamdulillah, proses permohonan tidak susah, di pejabat pertanian pada bulan lepas saya diminta buat kertas kerja sebelum ditawarkan skim pinjaman mikro kredit ini," jelasnya.



ISMA MOHAMAD IBAILULLAH AHMAD RANI.



AZLEENA HASAN.

Lulus peruntukan RM8 juta laksana dua projek tebatan banjir manfaat rakyat

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

TELUK BAHANG – Kerajaan Negeri memperuntukkan RM396,000 bagi melaksanakan projek menaik taraf tebing Sungai Korok dan Sungai Kongsi dalam usaha mengatasi masalah banjir di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pelaksanaan projek tersebut akan memberi manfaat kepada kira-kira 200 penduduk sekitar.

“Banjir di sini kebiasaannya akan berlaku apabila pertembungan air pasang dan hujan lebat (lebih 50mm/jam) hingga mengakibatkan Sungai Kongsi dan Sungai Korok melimpah tebing.

“Memandangkan tiada struktur kawalan banjir iaitu pintu pasang surut (TCG) rumah pam yang terdapat di sekitar kawasan Kuala Jalan Baru, maka pilihan yang ada untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menaik taraf serta meninggikan tebing sungai sedia ada.

“Untuk tujuan tersebut, Jawatankuasa Tebatan Banjir telah meluluskan peruntukan berjumlah RM396,000 kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Barat Daya (DBD) bagi melaksanakan kedua-dua projek berkaitan dengan setiap projek diperuntukan RM198,000,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ringkas ke tapak projek berkenaan di sini baru-baru ini.

Pusat tuisyen percuma bantu tingkat pencapaian akademik anak Pulau Pinang

SUNGAI PINANG – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, 19 Pusat Tuisyen Rakyat baru ditubuhkan termasuk tiga yang menjadi projek perintis Penggerak Komuniti Muda (PEKA) sebelum ini, membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar di negeri ini.

“Anak-anak kita adalah masa depan kita dan pendidikan adalah sangat penting, sebab itulah negeri sentiasa menggalakkan generasi muda untuk belajar dengan bijak serta pintar,” ujarnya dalam Majlis Pembukaan Pusat Tuisyen Rakyat di Flat Mutiara Idaman 2, Jelutong di sini 17 Mac lalu.

Menurut Guan Eng, pusat tuisyen yang beroperasi secara percuma itu menjadi satu lagi program kebajikan untuk anak-anak Pulau Pinang.

“Selain program kebajikan pelajar baru ini, kami (Kerajaan Negeri) ada pelbagai program lagi, seperti Skim Pelajar Emas.

“Malah, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sejumlah besar wang untuk melabur dalam pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik),” katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Selain itu, Guan Eng memberitahu, pentadbirannya mulai tahun ini turut membayar

RM300 secara ‘one-off’ kepada pelajar tahun pertama Pulau Pinang yang berjaya mendaftarkan diri ke politeknik tempatan.

Tambah beliau, pentadbirannya turut membayar RM1,000 secara ‘one-off’ kepada pelajar Pulau Pinang yang berjaya melanjutkan pengajian di universiti awam terpilih di Semenanjung Malaysia, manakala RM1,200 (Sabah dan Sarawak).

“Lebih daripada 21,000 pelajar Pulau Pinang mendapat manfaat daripada skim ini sejak 2008,” jelasnya.

Bercakap pada majlis sama, Pengurus PEKA, Steven Sim Chee Keong berharap anggota badan negeri itu dapat menguruskan semua pusat tuisyen percuma tersebut sebaik mungkin demi meningkatkan mutu pencapaian akademik pelajar-pelajar terlibat.

“Pusat-pusat ini berada di semua lima daerah di Pulau Pinang.

“Ibu bapa boleh mengetahui lebih lanjut mengenai pusat-pusat ini daripada Ahli Parlimen Pakatan Harapan mereka, wakil rakyat, atau penyelaras KADUN,” ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng merangkap ADUN Bagan Jermal; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pegawai Daerah SPU, Marlia Belia; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan ketua-ketua jabatan.



CHOW Kon Yeow, Ir. Addnan Mohd. Razali dan barisan Ahli Majlis MBPP ketika meninjau ke lokasi kerja-kerja menaik taraf yang sedang dijalankan berhampiran Sungai Kongsi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Hashim Abdullah (Jurutera Daerah JPS DBD).

Mengulas lanjut, Hashim memberitahu, kerja-kerja menaik taraf kedua projek berkenaan telah dimulakan pada 12 Februari lalu dan dijangka siap sepenuhnya Mei ini.

“Walaupun pada asalnya Kerajaan Negeri telah meluluskan RM198,000 bagi setiap projek, tetapi kos itu dapat dijamin

apabila sebut harga akhir yang diperoleh bagi kedua-dua projek adalah lebih murah.

“Harga akhir bagi menaik taraf Sungai Korok adalah berjumlah RM161,000 untuk membina *rubble wall* (300 meter) dan menaik taraf *rubble wall* sedia ada.

“Manakala, Sungai Kongsi (RM159,000) meliputi kerja-kerja membina ban (1,000 meter), pengorekan (1,000 meter) dan membina *rubble wall* (230 meter),” jelasnya.

Dalam perkembangan berasingan, Kon Yeow turut mengumumkan kelulusan dua peruntukan projek tebatan banjir di kawasan Teluk Bahang yang mencecah kos RM8 juta.

“Selain dua projek ini, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan satu projek yang lebih besar bernilai RM8 juta di Kampung Nelayan dan Jalan Hassan Abbas di Teluk Bahang.

“Peruntukan tersebut adalah bagi menggantikan dua *culvert* sedia ada di Kampung Nelayan dan Jalan Hassan Abbas kepada jambatan baharu.

“*Culvert-culvert* tersebut tidak dapat menampung jumlah air banyak yang turun dari bukit hingga menyebabkan kawasan sekitar akan mengalami banjir sekurang-kurangnya sekali setahun.

“Peruntukan ini adalah sumbangan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri selaku agensi pelaksana dan dijangka akan memulakan kerja-kerja menaik taraf di tapak tahun ini juga,” katanya.

Projek RTB Mak Mandin dijangka selesai sebahagian besar masalah banjir

BAGAN – Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin bakal menjadi ‘game changer’ pada aspek projek tebatan banjir negeri ini dengan peruntukan sebanyak RM40 juta oleh Kerajaan Negeri, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Menurutnya, projek berimpak tinggi itu adalah kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri yang bertujuan mengatasi banjir dekat kawasan berkenaan khususnya di Bagan.

“Projek RM40 juta kalau tanya JPS sangatlah besar dan peruntukan ini diumumkan dalam Bajet 2017 yang mana pembinaannya akan memakan masa selama dua tahun untuk disiapkan.

“(Dan) selepas projek ini siap, sebahagian besar masalah banjir di kawasan ini akan dapat diatasi.

“Jika pun ada kawasan yang masih mengalami banjir adalah kawasan yang sangat rendah, namun saya yakin ia (banjir) pasti dapat dikurangkan,” ujarnya pada Majlis Pecah Tanah RTB Mak Mandin di sini 17 Mac lalu.

Turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Seberang Perai Utara (SPU), Azmin Husin.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng merangkap ADUN Bagan Jermal; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pegawai Daerah SPU, Marlia Belia; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan ketua-ketua jabatan.

Mengulas lanjut, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan menjelaskan bahawa projek berkenaan adalah salah satu daripada lapan panggilan

tender yang dikeluarkan Kerajaan Negeri dan telah mendapat milikan tapak oleh Kontraktor, Budaya Restu Sdn. Bhd..

“Baki lima tender lagi dijangka akan mendapat milikan pada Mac ini yang menumpukan beberapa kawasan *hotspot* banjir, iaitu tiga daripadanya di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Barat Daya, DBD (2).

“Manakala baki dua tender lagi akan diiklankan selewat-lewatnya pada September ini yang melibatkan *hotspot* banjir di SPT dan DBD.

“Kita berbangga kerana projek ini dilakukan secara tender terbuka dan diputuskan Lembaga Tender yang dianggotai Pegawai Kanan Kerajaan Negeri.

“Kerajaan Negeri juga bertindak adil kerana kita laksanakan projek-projek ini di semua kawasan termasuk kawasan yang dimenangi pihak lawan,” jelasnya.

Difahamkan, projek tersebut meliputi pembinaan sebuah rumah pam berkapasiti 9m³/s dengan menaik taraf parit monsun sepanjang 2,300 meter (m) dan menaik taraf Sungai Mak Mandin sepanjang 2,300m.

Ketiga-tiga komponen tersebut dipercayai akan mengurangkan banjir yang sering berlaku di Taman Cantik, Taman Bagan terutamanya kawasan persekolahan.

Selain itu, menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti beberapa projek mitigasi banjir antaranya, projek Jelutong Diversion bernilai RM15 juta, Projek Tebatan Banjir Sungai Bayan Lepas (RM7 juta), Projek Tebatan Banjir Kampung Batu Maung di DBD (RM4 juta) serta Projek Tebatan banjir Bagan Jermal II di Daerah Timur Laut (RM5 juta).

“JPS juga akan melaksanakan RTB Sungai Pinang melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan secara awal sebanyak RM150 juta dengan kos keseluruhan berjumlah RM300 juta yang dijangka bermula pada tahun ini,” katanya.

Terokai idea jejantas sotong dikomersial sebagai kawasan santai 'minum kopi'

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : NOOR SITI NABILAH
NOORAZIS

GEORGE TOWN – Kerja-kerja menaik taraf jejantas pejalan kaki atau lebih dikenali sebagai 'jejantas sotong' di persimpangan Jalan Penang/Jalan Burma/Jalan Dr. Lim Chwee Leong di sini yang membabitkan kos RM6 juta telah siap sepenuhnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, terdahulu satu kaji selidik berhubung cadangan merobohkan jejantas pejalan kaki tersebut telah dijalankan pada tahun 2013 bagi menggantikannya dengan lintasan pejalan kaki berlampaui isyarat.

"Hasil daripada kaji selidik mendapat bawa sebanyak 70 peratus tidak bersetuju dengan perrobohan berkaitan, manakala (30 peratus) lagi bersetuju.

"Memandangkan pandangan majoriti penduduk Pulau Pinang mahu mengekalkan jejantas pejalan kaki ini, maka Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan mengekal dan menaik tarafnya semula dengan melakukan beberapa penambahbaikan seperti menyediakan perkhidmatan lif dan tangga bergerak.



RUPA bentuk 'jejantas sotong' yang telah siap dinaik taraf.

"Terima kasih syarikat IGB Corporation Bhd. (IGB) kerana sudi menanggung kos perbelanjaan (RM6 juta) ini sebagai tanggungjawab sosial korporatnya (CSR)," ujarnya pada majlis perasmian projek berkaitan di sini 16 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; barisan Exco Kerajaan

Negeri; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Kerja-kerja menaik taraf jejantas tersebut bermula sejak Mei 2015 melibatkan pengalihan kabel-kabel utiliti, pembinaan tiga tangga bergerak, lif (4), pemasangan lampu jenis LED untuk pencahayaan kawasan jejantas dan pelebaran sebahagian jalan di

sudut Jalan Dr. Lim Chwee Leong.

Pemasangan tactile untuk golongan orang kurang upaya (OKU) di setiap penjurutangga, menaik taraf bumbung jejantas dan penanaman pokok jenis heliantus turut dilaksanakan oleh Syarikat Ensignia Construction Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat IGB.

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan turut berkongsi pengalamannya ketika berkunjung ke Hanoi, Vietnam suatu masa lalu.

Menurutnya, di Hanoi kebanyakan lokasi-lokasi tinggi seperti jejantas dikomersialkan sebagai kawasan santai minum kopi sambil menikmati pemandangan lalu lintas dan kawasan sekitar.

"Mungkin MBPP boleh lihat kepada cadangan pelaksanaan seperti ini untuk diaplikasikan di sini.

"Seterusnya, MBPP boleh memanggil mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan dan menguruskan aktiviti di atas jejantas pejalan kaki ini melalui satu tender Request For Proposal (RFP) dalam masa terdekat," jelasnya.

Penang Alert sampai info awal bencana, kejadian kecemasan langsung kepada rakyat

GEORGE TOWN - Seperti dihasratkan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 7 Mac lalu melancarkan portal *Penang Alert*, iaitu sistem penyampaian info awal bencana dan kejadian kecemasan, langsung kepada rakyat di Pulau Pinang.

Bercakap kepada pemberita, beliau berharap aplikasi pintar atas talian itu dapat membantu Pihak Berkusa Negeri dan semua lapisan rakyat membuat persiapan lebih awal, sebelum bencana atau kejadian kecemasan yang tidak diingini berlaku di negeri ini kelak.

Menurut Guan Eng, portal itu boleh dicapai semua pihak di alamat <http://alert.penang.gov.my>, yang boleh diakses melalui portal rasmi Kerajaan Negeri sedia ada, www.penang.gov.my.

"Pendek kata, *Penang Alert* membantu orang awam untuk lebih bersedia dalam menghadapi situasi bencana atau meminimum serta mengelak impak bencana atau situasi kecemasan atau (sebarang bentuk) halangan," ujarnya pada majlis perasmian berkaitan di sini.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Ar. Yew Tung Seang.

Tambah Guan Eng, *Penang Alert* yang akan dilancarkan merupakan fasa pertama kepada usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penyaluran informasi awal berkaitan bencana mahupun perkara-perkara yang akan mengganggu urusan/

perjalanan harian rakyat seperti penutupan jalan-jalan utama, tanah runtuh, pokok tumbang dan sebagainya.

"Untuk fasa kedua *Penang Alert* pada tahun ini, Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan fungsi dengan penambahan saluran melalui aplikasi mudah alih (*mobile apps*) dan memperluaskan kolaborasi perkongsian data dengan jabatan/agensi kerajaan seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan serta Jabatan Meteorologi supaya maklumat seperti air pasang surut dan keadaan cuaca serta info penutupan jalan daripada kedua MBPP dan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) dan JKR (Jabatan Kerja Raya) dapat disampaikan dengan lebih cepat dan tepat kepada rakyat," jelasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri masih tidak berpuas hati berhubung 'kegagalan' Jabatan Meteorologi untuk memberikan amaran dengan lebih awal berhubung bencana angin ribut yang terburuk telah berlaku dalam sejarah Pulau Pinang pada 4 dan 5 November 2017.

"Tidak boleh dinafikan bahawa amaran 'merah' hanya diberikan pada jam 9.30 malam apabila bencana angin ribut telah bermula sehingga feri Pulau Pinang boleh diangkat naik dan ditolak ke atas darat," tegasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini pada tahun 2011 membelanjakan sejumlah RM87,700 bagi membangunkan sistem eBencana; sebelum keupayaan sistem pintar itu ditingkatkan serta dijenamakan semula sebagai portal *Penang Alert* mulai tahun 2016.

Tawaran rumah kepada rakyat, Exco puji kejayaan kurang senarai menunggu

GEORGE TOWN – Sejak tahun 2013, sejumlah 41,114 penawaran rumah mampu milik (RMM) telah ditawarkan kepada penduduk negeri ini.

Tindakan proaktif Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tersebut dalam mengurangkan senarai penerima menunggu sejak tahun 70-an memperoleh penghargaan daripada Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Katanya, tindakan tersebut sekaligus mengurangkan tempoh menunggu rakyat Pulau Pinang untuk membeli Rumah Mampu Milik (RMM) jenis A iaitu RM42,000, RMM Jenis B (RM72,500) dan RMM Jenis C (tidak melebihi RM300,000).

"Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) melalui Bahagian Perumahan telah berjaya memastikan pemilihan daripada senarai menunggu yang begitu panjang dapat dipendekkan."

"Malahan, pemilihan untuk senarai menunggu yang dikendalikan oleh SPEC telah mencatat pencapaian memberangsangkan yang mana sebagai contoh, senarai permohonan bagi RMM Jenis A, di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT) telah sampai ke tarikh semasa," ujarnya pada sidang media di sini 8 Mac lalu.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Akhmal Abu Basar.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa perkara tersebut secara tidak langsung menunjukkan keberkesan dan peranan penting yang dimainkan kakitangan awam Bahagian



JAGDEEP Singh Deo (kiri) dan Akhmal Abu Basar menunjukkan dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Perumahan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) dalam memastikan keperluan rumah di Pulau Pinang adalah mencukupi.

"Difahamkan, sehingga kini, cuma 30,000 pemohon masih berada dalam senarai menunggu (semua kategori) berbanding terdapat senarai menunggu sejak tahun 70-an ketika permulaan SPEC ditubuhkan berbanding kini cuma sehingga tahun 2012," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep turut memaklumkan, sejak tahun 2008 hingga terkini, sejumlah 74,161 rumah dari Jenis A hingga RMM RM300,000 sudah, sedang dan akan dibina.

"Seperti mana sedia maklum juga, Kerajaan Negeri sememangnya memberi keutamaan kepada pembekalan perumahan Jenis A dan B yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang.

"Setakat ini, sebanyak 24,227 Jenis A dan B telah siap dibina di kelima-lima daerah antara tahun 2008 hingga 2017 berbanding 5,154 jenis sama yang siap dibina secara fizikal antara tahun 1999 hingga 2007 di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN)," katanya.

Projek pemasangan paip berkembar dasar laut baharu penuhi dasar tiada catuan air

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : PBAPP

GEORGE TOWN – Pemasangan saluran paip berkembar dasar laut baharu bernilai RM125 juta adalah bertujuan memastikan bahawa dasar tiada catuan air di negeri ini dipenuhi bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Projek Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Butterworth-Pulau Pinang oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) itu mempunyai tiga pakej dan dijadual siap menjelang Disember 2020.

Beliau berkata, Pakej 1 projek berkenaan telah siap membabitkan kawasan dekat sekitar Macallum di sini merangkumi pemasangan 0.9 kilometer (km) paip berkembar bersaiz 1,800 milimeter (mm) dengan kos RM9.2 juta.

“Bagi Pakej 2A dan 2B akan melibatkan pemasangan 0.8km paip berkembar bersaiz sama dengan unjuran kos RM15.2 juta di Butterworth, dan buat masa ini PBAPP

sedang menunggu kelulusan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk memulakan kerja.

“Manakala bagi Pakej 3 membabitkan kos RM100.6 juta merangkumi pemasangan 3.2km saluran paip berkembar bersaiz 1,200mm dari Butterworth ke kawasan Macallum di bahagian pulau.

“(Dan) tender terbuka bagi Pakej 3 ini dijadual akan dipanggil pada Mei 2018 nanti,” katanya kepada pemberita sejurus mengadakan lawatan teknikal ke tapak projek Pakej 1 di sini 19 Mac lalu.

Selain mengelak catuan air di negeri ini, bagi Guan Eng, rasional pemasangan saluran paip berkembar dasar laut berkaitan akan meningkatkan lagi kapasiti PBAPP untuk menyalurkan air terawat yang lebih efisien dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai Utara (SPU) ke bahagian pulau.

“Ia juga bagi menangani permintaan air p a d a m a s a hadapan, lagipun ia akan memberi manfaat bukan sahaja untuk rakyat Pulau Pinang, malah perniagaan dan industri yang ada di negeri ini.

“Penggantian saluran paip ini penting kerana i n i a d a l a h penggantian pertama selepas ia dibina pada tahun 1973... sudah 45 tahun,” katanya yang

p a d a m a s a hadapan, lagipun ia akan memberi manfaat bukan sahaja untuk rakyat Pulau Pinang, malah perniagaan dan industri yang ada di negeri ini.


Malaysia, dasar tanpa catuan air di negeri ini tidak akan berjaya.

“(Dan) perlu ditegaskan bahawa Pulau

Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang secara terbuka mengisytiharkan dasar tanpa catuan air...dan ini mencerminkan komitmen kami (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) dalam memastikan bekalan sentiasa mendahului permintaan,” tambahnya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu, saluran paip berkembar dasar laut itu akan menyalurkan 315 juta liter air terawat sehari (JLH) dari LRA Sungai Dua ke rumah pam PBAPP dan kolam air terawat di Bukit Dumbar.

“Air terawat itu kemudiannya akan dipam semula kepada pengguna air di seluruh bahagian selatan Pulau Pinang dan juga Balik Pulau,” jelasnya.




IR. Jaseni Maidinsa (berkemeja biru) menunjukkan pelan projek pemasangan paip berkembar dasar laut baharu kepada Ketua Menteri sejurus lawatan teknikal di sini baru-baru ini.

juga Pengurus PBAPP.

Difahamkan, projek berkenaan akan memanfaatkan 500,000 pengguna air domestik dan beribu-ribu perniagaan yang terletak di kawasan Green Lane sehingga ke daerah Barat Daya Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa projek-projek seperti ini telah membantu Pulau Pinang mencapai margin rizab air tertinggi di Malaysia pada 2016 iaitu sebanyak 34.1 peratus dan seterusnya membolehkan negeri ini berjaya tanpa catuan air.

“Meskipun tarif air domestik Pulau Pinang adalah yang terendah di Malaysia, iaitu RM0.32 bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama, tetapi tanpa perkongsian 4P iaitu *public, private, people* dan *professional* serta PBAPP sebagai pengendali air yang mencatatkan keuntungan paling konsisten di



PELAN Pakej 1 Projek Saluran Paip Berkembar Dasar Laut baharu.

Naik taraf laluan pejalan kaki Gat Lebuh China agar mesra, mudah diakses semua pihak

PENGKALAN KOTA – Dalam menjadikan George Town Bandar Raya Warisan yang mampan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), *George Town Conservation & Development Corporation* (GTCDC) Sdn. Bhd. kini sedang menaik taraf sebahagian laluan pejalan kaki di Gat Lebuh China membabitkan kos berjumlah RM3 juta.

Menurut Pengarah Urusan Think City Sdn. Bhd (ThinkCity), Hamdan Abdul Majeed, projek tersebut adalah merangkumi usaha menaik taraf laluan pejalan kaki, menanam pokok teduhan, naik taraf longkang zaman kolonial dan lain-lain.

“Matlamat utama projek infrastruktur ini adalah bertujuan menaik taraf landskap pejalan kaki, mempromosikan aktiviti berjalan kaki serta berbasikal dan memperlakukan aliran trafik.

Menurut Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, projek tersebut merupakan suatu perubahan yang dibuat secara

berperingkat membabitkan transformasi terancang untuk George Town agar ia mudah diakses oleh semua pihak.

“Kawasan awam di sini akan jadi lebih mesra pengguna jalan kaki, basikal, golongan kurang upaya (OKU) serta meningkatkan aktiviti di pinggir laut selari dengan status George Town Bandar Raya Warisan UNESCO sebagaimana projek penaiktarafan lorong-lorong belakang tersebut di sini baru-baru ini.

“Kawasan longkang asal sejak zaman kolonial (100 hingga 120 tahun) juga akan dinaik taraf memandangkan kawasan ini juga kerap dinaiki air. Apa yang dicadangkan adalah membina perparitan keluar lebih tinggi daripada paras laut kerana saluran sedia ada kini akan tenggelam sekiranya air pasang,” katanya ketika lawatan tapak tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Law Keng Ee; Datuk Bandar bagi MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Ahli Majlis bagi MBPP, Harvinder



CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan ketika mengadakan lawatan ke Gat Lebuh China di sini baru-baru ini.

Singh, Khoo Salma Nasution serta Wong Yuee Harng.

Tambah Kon Yeow, hiasan seperti kerusi juga akan ditambah dalam mengindahkan lagi kawasan tersebut agar ia mampu

menjadi lokasi istirahat pelancong.

“Projek sebanyak tiga fasa sepanjang 700 meter kini sudah 30 peratus siap, dan keseluruhan projek dijangka selesai pada awal Jun tahun ini juga,” jelasnya.

Jaminan bekalan air terawat di Pulau Pinang mencukupi, kekal rekod negeri tiada catuan air sejak 2008

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SUNGAI DUA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi jaminan bahawa bekalan air terawat di Pulau Pinang adalah mencukupi untuk seluruh rakyat negeri ini.

Malah katanya, Pulau Pinang juga akan mengekalkan rekod sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak mengalami catuan air sejak 2008.

"Kita akan pastikan bekalan air terawat mencukupi untuk seluruh rakyat di negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) berani beri jaminan ini kerana kita mempunyai loji rawatan air terbesar di Malaysia yang mana boleh menampung 1.2 bilion liter air yang telah diproses setiap hari," katanya ketika merasmikan pembukaan Fasa 1 Pusat Kawalan Bekalan Air Pulau Pinang (PWSCC) di Loji Rawatan Air Sungai Dua di sini 15 Mac lalu.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh merangkap ADUN Sungai Puyu; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Jaseni Maidinsa, serta kakitangan PBAPP.

Menurut Guan Eng, pembinaan PWSCC yang menelan belanja sebanyak RM6.1 juta tersebut bakal dimanfaatkan 604,574 pengguna air bagi tujuan perniagaan serta domestik di negeri ini.

Tambahnya, pembangunan pusat kawalan itu juga adalah langkah penting dalam memastikan bekalan air terawat di Pulau Pinang adalah mencukupi untuk rakyat sekurang-kurangnya bagi tempoh 10 tahun akan datang.

"PWSCC juga mencerminkan komitmen kuat PBAPP, yang dapat memastikan peningkatan berterusan dalam perkhidmatan bekalan air dan (perkhidmatan) pelanggan di Pulau Pinang, selaras dengan pensijilan ISO 9001: 2015.

"Malah, rakyat di negeri ini juga akan kekal menikmati tarif air domestik terendah iaitu RM0.32 sen bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama berbanding negeri lain seperti Johor (RM1.32).

"Inilah bukti kejayaan tadbir urus yang dilaksanakan secara Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT)," ujar beliau.

Sebagai rekod, Pulau Pinang mempunyai tiga empangan utama untuk menyimpan bekalan air iaitu Empangan Air Itam dengan kapasiti simpanan sebanyak 82 peratus, Empangan Teluk Bahang (91.6 peratus) dan Empangan Mengkuang (24.1 peratus).

Ketika ditanya mengapa jumlah kapasiti air di Empangan Mengkuang jauh lebih rendah berbanding Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang, Guan Eng menjelaskan bahawa ia berikutan empangan tersebut kini masih lagi dalam proses pembinaan.

"Apabila empangan ini siap, ia dapat menampung simpanan air sebanyak empat kali ganda berbanding Empangan Teluk Bahang iaitu sebanyak 73 bilion liter air," jelasnya.



KAKITANGAN PBAPP sedang bertugas di Fasa 1 Pusat Kawalan PWSCC Loji Rawatan Air Sungai Dua di sini.

Difahamkan, penubuhan PWSCC dilengkapi dengan pelbagai peralatan canggih seperti sistem perisian pusat kawalan, video 10 skrin, perisian untuk memantau data elektronik dan lain-lain lagi.

Ia membolehkan data dari semua loji rawatan air di Pulau Pinang, rumah pam, kolam air terawat dan sensor tekanan di talian saluran paip utama dihantar ke pusat kawalan berkaitan 24 jam setiap hari.

Selain itu, pembangunan pusat kawalan tersebut juga membolehkan pengurusan air tanpa hasil (NRW) atau kadar kehilangan air ditambah baik selain mengesan ramalan dan sistem amaran automatik kemungkinan masalah bekalan air.

Mengapa Pulau Pinang diketepikan dalam mesyuarat bersama KPKT, soal Jagdeep

GEORGE TOWN – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mempersoalkan tindakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar yang dikatakan telah 'meminggirkan' Pulau Pinang dalam mesyuarat bersama-sama Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri-negeri pada 13 Mac lalu.

Katanya, Noh seharusnya sedia maklum bahawa masalah perumahan merupakan isu yang perlu diberi perhatian serius dan harus dibincangkan di peringkat lebih tinggi serta memerlukan penglibatan semua negeri.

"Saya mengetahui adanya mesyuarat ini melalui gambar yang dinaikkan di laman Twitter KPKT tetapi malangnya saya tidak dijemput.

"Saya juga telah mengesahkan perkara ini dengan pejabat Exco Kerajaan Tempatan, Chow Kon Yeow namun mereka juga tidak menerima jemputan untuk menghadiri mesyuarat berkenaan.

"Amat mengecewakan apabila selepas pelbagai usaha telah kita (Kerajaan Negeri) lakukan termasuk menghantar berpuluhan-puluhan surat peringatan untuk menyelesaikan isu perumahan di negeri ini, tetapi kita tidak diundang untuk bersama-sama dalam mesyuarat itu," tegasnya pada sidang media di sini 16 Mac lalu.

Menurut Jagdeep, sebelum Noh dilantik sebagai menteri, sudah ada Jawatankuasa Kerja Pemantauan Pelaksanaan Keputusan Majlis Perumahan Negara diketuai Timbalan Menteri KPKT, Datuk Halimah Sadique yang sering mengadakan mesyuarat bersama-sama Exco Perumahan dari semua negeri termasuk Pulau Pinang.

"Saya berterima kasih kepada Datuk Halimah kerana telah tiga kali menjemput saya untuk mendengar pendapat dan pandangan berkaitan pelbagai aspek mengenai isu perumahan di negeri ini.

"Malah, dalam mesyuarat yang turut dihadiri Ketua Menteri Pulau Pinang (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) dan saya sendiri pada Mac tahun lepas, ada sedikit perkembangan positif mengenai pembinaan projek perumahan rakyat (PPR) di negeri ini.

"Namun selepas Noh dilantik sebagai Menteri, tiada



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan gambar berkumpulan pihak yang hadir di mesyuarat KP KT bersama-sama Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri-negeri pada 13 Mac lalu.

sebarang mesyuarat dipanggil selepas itu," jelasnya.

Jagdeep menyatakan bahawa Noh sepatutnya bersikap lebih profesional dengan menjemput Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyertai mesyuarat berkenaan bagi membincangkan penyelesaian berkaitan isu perumahan yang masih tertangguh.

Antaranya, kata Jagdeep, isu perumahan PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) yang masih belum dibina walaupun seunit di Pulau Pinang; Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M); Projek Perumahan Rakyat (PPR); penolakan pinjaman perumahan yang sangat tinggi dan sebagainya.

"Masih banyak isu yang memerlukan penjelasan daripada agensi-agensi kerajaan seperti Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menyelesaikan masalah-masalah berkaitan perumahan.

"Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) ada banyak cadangan yang mahu dikemukakan, tapi jika sebelah pihak sahaja yang berusaha masalah ini tidak akan selesai.

"Oleh itu, beliau (Noh) harus mengetepikan sentimen politik dan mengadakan mesyuarat sekali lagi dengan memanggil Exco-Exco dari semua negeri kerana masalah perumahan adalah masalah seluruh rakyat di negara ini," ujarnya.

Exco cabar Gabenor BNM bahas isu kadar kelulusan pinjaman perumahan

GEORGE TOWN – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan Negeri Pulau Pinang, Jagdeep Singh Deo mencabar Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Mohammad Ibrahim untuk berbahas mengenai isu kadar kelulusan pinjaman perumahan di negara ini.

Ini kerana, menurutnya, kadar penolakan pinjaman perumahan bagi pembeli rumah mampu milik (RMM) pertama di Pulau Pinang adalah terlalu tinggi sehingga menjaskan kemampuan membeli rumah.

"Kadar penolakan pinjaman perumahan yang terlalu tinggi telah menyebabkan kemampuan membeli rumah terutamanya rumah pertama semakin menurun.

"(Dan) saya sendiri telah mengutus sepucuk surat kepada BNM baru-baru ini setelah tiada sebarang pertemuan mahupun maklum balas susulan Kerajaan Persekutuan mengemukakan usul untuk menangani kadar penolakan pinjaman perumahan kira-kira setahun lalu," katanya dalam satu sidang media di perkarangan Bangunan BNM Cawangan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, BNM pernah memaklumkan bahawa kadar kelulusan pinjaman mencecah 75 peratus sedangkan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) mendakwa bahawa kadar penolakan pinjaman adalah setinggi 60 peratus.

"Pada Mac tahun lalu, REHDA mengeluarkan kenyataan bahawa kadar penolakan pinjaman adalah setinggi 60 peratus (rujukan artikel dalam talian, 'Rejection rate for housing loans is as high as 60%, says REHDA') dan BNM walau bagaimanapun mempertikaiannya.

"BNM menyatakan bahawa kadar kelulusan pinjaman perumahan adalah pada kadar tertinggi..jadi soalnya, yang manakah satu yang betul kerana kedua-dua kenyataan ini adalah bercanggah sama sekali dan perkara ini tidak boleh dilengah-lengahkan lagi.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan banyak unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan RMM, namun sekiranya kadar penolakan pinjaman perumahan sangat tinggi, bagaimana pembeli rumah pertama ini mendapat akses untuk membeli rumah idaman mereka," soalnya.

KM kagum kesungguhan rakyat Pulau Pinang untuk kekal sihat

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : NOOR SITI NABILAH NORAZIS

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kagum dengan kesungguhan rakyat Pulau Pinang untuk kekal sihat.

Menurut beliau, meskipun Pulau Pinang dianggap syurga makanan, namun masih ramai yang menitikberatkan soal kesihatan.

"Jadi, ambillah peluang ini untuk beriadah dan berseronok kerana saya percaya apabila kita sihat barulah kita nampak cun, barulah Penang Cun."

"(Dan) bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengucapkan tahniah dan syabas kerana anda semua adalah bukti memang Pulau Pinang sihat," ucapnya sebelum melepaskan peserta acara mendaki tahunan I ❤️ Penang Hike 2018 dekat Taman Rekreasi Kuari dekat Taman Botani di sini 24 Mac lalu.

Turut sama, Pengurus Besar Perbandaran Bukit Bendera, Cheok Lay Leng dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew



KETUA Menteri menyempurnakan acara pelepasan peserta pengajuran I ❤️ Penang Hike 2018 di sini baru-baru ini.

Tung Seang.

Difahamkan, kira-kira 3,000 umum mengambil bahagian dalam edisi I ❤️ Penang Hike 2018.

Menariknya, peserta termuda

tahun ini, Aydan Haris Ashraf, 3, turut berjaya menghabiskan cabaran mendaki bersama-sama bapa, Ashraf Sharif Hussain dan ibunya, Nor Junaina Jusof.

"Saya memang selalu bawa Aydan (Haris) hiking Bukit Bendera, tapi ini adalah program pertama disertai Aydan dan alhamdulillah sepanjang perjalanan tiada sebarang masalah, cuma saya dan isteri bergilir-gilir dukung Aydan di tempat-tempat yang agak curam."

"Pada saya, program ini (I ❤️ Penang Hike) sangat bagus kerana bukan sahaja memberi kesedaran dan galakan untuk melakukan aktiviti sihat, malah juga memberikan pengalaman berbeza."

"Lagipun kita boleh menikmati pelbagai makanan dan *desserts* (kudapan) yang sedap-sedap selepas penat mendaki," kata Ashraf Sharif ketika ditemui di sini baru-baru ini.



AYDAN Haris Ashraf (tengah) bersama-sama ibu dan bapanya sempat memberi pose istimewa sejurus menamatkan dakian.



AKSI sebahagian peserta.

Escape terima Anugerah Tarikan Pelancongan Terbaik Malaysia, Tahniah!

GEORGE TOWN - Taman Tema Escape yang terletak di Teluk Bahang baru-baru ini dijulang sebagai penerima Anugerah Pelancongan Terbaik Malaysia bagi Kategori Tarikan Pelancongan Atau Taman Tema Terbaik.

Ketua Pegawai Eksekutif Escape, Sim Choo Kheng berkata, anugerah tersebut adalah sangat istimewa kerana buat pertama kalinya produk tarikan pelancongan di Pulau Pinang menerima pengiktirafan berprestij itu.

"Escape telah disenaraikan sebagai taman tema nombor satu di Malaysia, dan perkara pertama yang perlu dilakukan adalah memastikan ia kekal menjadi

produk pelancongan terbaik negara.

"Lagipun, Kerajaan Negeri sedia ada banyak memberi sokongan sehingga Taman Tema Escape berjaya menjadi salah satu produk pelancongan yang memacu industri pelancongan negeri."

"(Dan) pastinya, misi seterusnya adalah menjadikan Escape destinasi unggul pilihan pelancong bukan sahaja di Pulau Pinang malah ke peringkat antarabangsa," katanya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Menurut Choo Kheng, Taman Tema Escape dibangunkan di atas bekas tapak pembinaan milik Perbadanan Bekalan Air

Pulau Pinang (PBAPP) seluas 17.8 hektar di Teluk Bahang.

Dalam pada itu, Guan Eng turut memuji kesungguhan Kumpulan Sim Leisure selaku pengendali Taman Tema Escape serta menzahirkan ucapan syabas dan tahniah atas kejayaan yang diraih.

"(Selain itu), Taman Tema Escape berjaya menjadi taman tema terbaik di Malaysia melalui penilaian aplikasi percutian antarabangsa *TripAdvisor*.

"Selepas ini, fasa ketiga dengan mengadakan gelongsor air terpanjang di dunia bakal dibangunkan di sini selain lebih 20 tarikan aktiviti lain di (Taman Tema) Escape," ujarnya.



SIM Choo Kheng.

Komite jadikan Pulau Pinang lebih maju, lebih baik

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri komited mempertingkatkan prasarana di Pulau Pinang selaras dengan usahanya dalam menjadikan negeri ini lebih mesra untuk didiami dan sebuah bandar bertaraf antarabangsa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, meskipun kadang-kala keputusan dibuat seringkali menerima kritikan hebat dan bantahan daripada golongan tertentu, tetapi sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, pihaknya akan teruskan pelaksanaan demi keselesaan rakyat Pulau Pinang serta generasi akan datang.

“Sebagai sebuah kerajaan, kita (Kerajaan Negeri) mesti membuat suatu perancangan masa depan yang berani, walaupun kadang-kala keputusan-keputusan untuk menaik taraf projek seperti ini ditentang dan dikritik pihak tertentu.

“Kerana sebuah kerajaan yang baik, bukan sahaja perlu ingat untuk pengundi sekarang, kita juga perlu mengambil kira generasi yang akan lahir nanti.

“Kita perlu lakukan apa yang difikirkan perlu demi menjadikan Pulau Pinang lebih maju dan lebih baik,” ujarnya pada Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Jalan Brown di sini 15 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Ar. Yew Tung Seang (Datu Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Ir. A. Rajendran (Pengarah Kejuruteraan MBPP).

Projek menaik taraf Jalan Brown dan kawasan sekitarnya telah bermula pada 7 September 2016, dan siap pada 31 Januari lalu dengan menelan belanja sebanyak RM5.97 juta.



RUPA bentuk Jalan Brown dan kawasan sekitar yang siap dinaik taraf di sini.

Mengulas lanjut berhubung kerja-kerja menaik taraf tersebut, Guan Eng menyatakan bahawa komponen utama projek adalah membabitkan pelebaran Jalan Brown sepanjang 900 meter (m) serta menaik taraf persimpangan-persimpangan di antara Jalan Brown, Jalan Utama, Jalan Tunku Abdul Rahman serta Jalan D.S. Ramanathan.

“Di samping itu, sistem saliran dan laluan pejalan kaki

turut ditambah baik.

“Usaha MBPP dan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah lalu lintas secara berterusan dengan melaksanakan projek-projek jangka pendek, sederhana dan panjang telah terbukti berkesan dan kita percaya semua perancangan ini membawa manfaat buat penduduk Pulau Pinang,” jelasnya.

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SAMBUTAN BULAN-BULAN AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

18 MAC 2018 (AHAD) • 7 MLM - 11 MLM MASJID AL-QAHAR PMTG. DAMAR LAUT PULAU PINANG

PENERIMAH ISTIMEWA: YBHg. DATO' DR. MOHD IZHAR ARIFF BIN MOHD KASHIM

PENSYARAH FIQH FATWA DAN KEPENGUANAN SEMASA JABATAN SYARIAH, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UKM

MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H

2 JUN 2018 (SABTU) • 8.00 PG - 11.00 MLM MASJID NEGERI PULAU PINANG

Perutusan
YB. DATO' HAJI ABDUL MALIK KASSIM
EXCO HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Salam sejahtera didoakan kepada Muslimin dan Muslimat.

“Dan kami turun kepada Al-Kitab (Al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmatan dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri” Demikianlah maksud firman Allah S.W.T dalam surah An-Nahl ayat ke-89.

Al-Quran adalah ensiklopedia yang lengkap diutuskan kepada sekalian makhluk alam di bumi ini. Semua persoalan dan jawapan telah terbukti di dalamnya. Generasi Al-Quran sentiasa membaca ayat-ayat suci Al-Quran mengkaji ilmu-ilmu di dalamnya serta mengambil Al-Quran itu sebagai kitab pengajaran.

Al-Quran merupakan sumber pengetahuan utama dan petunjuk hidup para sahabat Rasulullah S.A.W. Walaupun ketika itu Al-Quran masih lagi diturunkan secara beransur-ansur.

Ahmadulillah dengan izin Allah S.W.T. kita masih lagi berkesempatan memartabatkan Al-Quran dalam program Bulan-Bulan Al-Quran kali ke-9 (Rejab, Syaaban dan Ramadan) sejak 2009 lagi.

Program yang telah menjangkau tahun ke-9 ini, penambahbaikan telah dilaksanakan melalui program pengisian sepanjang Bulan-Bulan Al Quran iaitu program Hafazan & Taliqai, Celic Al-Quran, Bacaan Kitab, Seminar Al-Quran, Nuzul Al-Quran, Khutbah Medium Wahyu Ilahi, Jelajah Ibrah Al-Quran, Street Dakwah, Tahsin & Tafsir.

Dengan bertemakan “Al-Islam Rahmatun Lil Alamin”, saya amat berharap sambutan pada tahun ini akan menyemarakkan lagi amal ibadah kita ke sisi Allah S.W.T. Sehubungan itu, kita berjaya mewujudkan generasi yang serba boleh dan mempunyai kemahiran yang tinggi tentang ilmu-ilmu Al-Quran.

Akhir kata, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada TYT Yang di-Pertua Negeri, Ketua Menteri, Tunku, Setiausaha Kerajaan Negeri, JHEAPP, Jabatan Mufti, Masjid Negeri, KITAB dan semua yang terlibat menjayakan program bulan-bulan Al-Quran kali ini.

REJAB • SYAABAN • RAMADAN

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran
Peringkat Negeri Pulau Pinang 1439H / 2018M

KALI KE-9
18 MAC - 2 JUN 2018

الاسلام رحمة للعالمين
AL-ISLAM RAHMATUN LIL ALAMIN

Maklumat lanjut hubungi:
04-261 9280 / 04-250 2800

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAK YB Lim Hock Seng limhocksen@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheryphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Makfar Hj. Shapree aduhan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungaipinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drijayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@yahoo.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999
DIREKTORI TELEFON	103
OPERATOR ANTARABANGSA	101
HOTLINE MBPP	04-263 7637
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957
KASTAM	04-262 2300
IMIGRESEN	04-250 3419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340
EPF	04-226 1000
SOCSCO	04-238 9888
JPJ	04-656 4131
JABATAN PENDAFTARAN PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-226 5161 04-263 1166

PEGAWAI PENYELARAS PARLIMEN DAN KADUN	No Tel/ No Faks
PARLIMEN KEPALA BATAS Che Norma Binti Mehat hiasnorma@gmail.com	012 - 440 2167
PENAGA Mohd. Radzi Bin Wahab mohdradzi230@gmail.com	013 - 407 6038
BERTAM Abdul Latif Bin A. Rahman	013 - 435 2324
PINANG TUNGGAL Muhasdey Bin Muhamad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PARLIMEN TASEK GELUGOR Dato' Jasmin Bin Mohamed jmmohamed002@gmail.com	018 - 468 6610
PERMATANG BERANGAN Abu Hassan Bin Awang	019 - 423 6779
SUNGAI DUA Yusri Bin Isahak ysregnot@gmail.com	019 - 337 4055
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Bin Ahmad mustafakamalmka@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Mohd. Rizal Bin Abd. Hamid rizalhamid.ppk@gmail.com	012 - 424 3878
PARLIMEN BALIK PULAU Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff yusmadi.yusoff@gmail.com	011 - 1038 3993
BAYAN LEPAS Azril Mahathir Bin Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Syed Mohamad Nazli Bin Syed Ahmad	012 - 429 6542
TELUK BAHANG Zainuddin Bin Noordin zainuddin.noordin@gmail.com	017 - 464 7372
PERMATANG PASIR Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfaidzilamanh@gmail.com	019 - 274 6671
TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
JAMBATAN PP	04-398 7419
STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK CAP	04-829 4046 04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 / 04-281 1108
PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1 Penaga : -	-	N22 Tanjung Bungah : 012 - 465 0021	- Tina
N2 Bertam : -	-	N23 Air Putih : 011 - 12441069	- Hezreen
N3 Pinang Tunggal : -	-	N24 Kebun Bunga : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4 Permatang Berangan : -	-	N25 Pulau Tikus : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5 Sungai Dua : -	-	N26 Padang Kota : 017 - 956 3237	- Quah
N6 Telok Air Tawar : -	-	N27 Pengkalan Kota : 012 - 401 1522	- Johnny Chee
N7 Sungai Puyu : 012 - 480 5495	- Mr. Lee	N28 KOMTAR : 010 - 811 7300	- Ch'ng Chin Keat
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 04 - 226 2464	- Razin
N9 Bagan Dalam : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 04 - 282 6630	- Kalvinder
N10 Seberang Jaya : 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31 Batu Lancang : 04 - 282 6419	- Nayim
N11 Permatang Pasir : 010 - 406 2128	- Nurafiqah Rosli	N32 Seri Delima : 019 - 4474362	- Karuna
	- Tira	N33 Air Itam : 012 - 5242549	- Mahen James
N12 Penanti : 013 - 595 6865	- Mr. Lim	N34 Paya Terubong : 012 - 4730736	- Anne Janet
	- Yeoh Ee Yee	N35 Batu Uban : 016 - 4940705	- Toon Hoon Lee
N13 Berapit : 016 - 401 3507	- Andrew Chin	N36 Pantai Jerejak : 012 - 484 1963	- Frankie Kee
	- Ikhwan Chan	N37 Batu Maung : 016 - 205 1185	- Jalal
N14 Machang Bubuk : 012 - 474 0964	- Sri Sangar	N38 Bayan Lepas : 016 - 480 0232	- Khairul
	- Lim Tuan Chun	N39 Pulau Betong : 016 - 487 8602	- Sathyra
N15 Padang Lalang : 012 - 473 0964	- G.Dumany	N40 Pantai Telok Bahang : 016 - 444 3550	- Aliff / Shamsudin
	- Khor		- Amirulzaman
N16 Perai : 014 - 945 9786	- Abdul Halim		- Danny Ho
	- Mr. Khor		
N17 Bukit Tengah : 04 - 383 9131	- Norjuliana Hasbullah		
	- Norjuliana Hasbullah		
N18 Bukit Tambun : 016 - 404 9120			
N19 Jawi : 017 - 408 4784			
N20 Sungai Bakap : 019 - 552 8689			
N21 Sungai Aceh : 012 - 542 4454			

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2018**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	012 - 548 2465 019 - 658 2465
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Elempuru Valuthi	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556 018 - 467 0037
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	Nakulan A/L Muthumanikam	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	010 - 462 0073

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2018**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Arumugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang April 2018**



14hb - 22hb April 2018
Penang Fashion Week 2018

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI,
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD, DARWINA MOHD. DAUD,
ALVIE CHENG, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS,
ADLEENA RAHYAU AHMAD RADZI

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Politik penentu persekitaran kehidupan, wanita perlu tampil agar suara didengar, Chong Eng

PERANAN penting yang dimainkan golongan wanita dalam membangunkan ekonomi, masyarakat dan negara sememangnya tidak lagi boleh dinafikan.

Namun begitu, sehingga kini masih terdapat banyak kekangan dan cabaran yang menghalang penglibatan golongan wanita membabitkan pelbagai sektor pekerjaan di Malaysia terutamanya dalam bidang didominasi golongan Adam seperti politik dan ekonomi.

Perkara itulah yang menjadi pendorong kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng untuk mula bergiat aktif di dalam arena politik sejak tahun 1995 selepas berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Lancang.

Berbekalkan semangat untuk membawa perubahan dalam masyarakat terutamanya dalam kalangan wanita, beliau yang kini menggalas tanggungjawab di bawah portfolio Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti perlu berusaha lebih gigih bagi mencapai maksud tersebut.

Penjagaan kanak-kanak

Mengimbau sejarah penglibatan awal dalam bidang politik, Chong Eng berkata, perkara pertama dibangkitkan beliau dalam ucapan pertamanya di persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang adalah mengenai soal penjagaan kanak-kanak.

Hal ini kerana menurutnya, langkah pertama yang harus diambil oleh pihak kerajaan untuk memperkasakan golongan wanita di negara ini adalah dengan mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak lebih komprehensif dan mesra keluarga.

“Sekiranya kerajaan mahu golongan wanita keluar dari rumah dan menyumbang tenaga kepada pembangunan ekonomi negara, perkara utama perlu dilakukan adalah menjaga anak-anak mereka. Ini yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan hari ini.

“Mereka (kerajaan) perlu mengimplementasikan persekitaran kerja mesra keluarga dengan menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak yang lengkap atau menetapkan waktu operasi lebih fleksibel,” katanya ketika ditemui wakil Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **LAW SUUNG TING** dekat pejabatnya di Komtar baru-baru ini.

Lebih penting lagi katanya, kerajaan perlu mewujudkan satu agensi khas yang bertanggungjawab untuk menyelia dan mengendalikan pusat penjagaan kanak-kanak dari seluruh negara.

Tambah Chong Eng, penubuhan agensi itu adalah bagi membolehkan semua pusat jagaan kanak-kanak seperti Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dan Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) kendalian kerajaan boleh diselia serta beroperasi di bawah satu garis panduan yang sama.

“Sekarang pun kita sudah ada badan untuk menyelia pusat jagaan kanak-kanak ini tapi ianya di bawah pelbagai kementerian dan kita tidak ada satu badan yang khusus untuk tujuan ini. Sebab itulah pengendalian pusat jagaan kanak-kanak di negara kita menjadi begitu sukar.

“Sebagai contoh sekarang ini, kerajaan menempatkan Taska dan Tadika di lokasi

yang berbeza, maka urusan ibu bapa untuk menghantar dan mengambil anak-anak mereka menjadi sukar.

“Sekiranya sesebuah keluarga itu mempunyai ramai anak dan berumur antara satu hingga empat tahun serta lima hingga enam tahun, mereka perlu pergi ke dua tempat untuk menghantar serta mengambil anak masing-masing. Ini hanya akan membazirkan masa mereka.

“Mengapa kerajaan tidak memikirkan satu cara untuk menempatkan Taska dan Tadika ini di satu lokasi yang sama bagi memudah dan menjimatkan masa ibu bapa,” tegasnya.

Dalam pada itu, Chong Eng turut berkongsi pengalaman semasa mengadakan lawatan kerja ke negara jiran, Singapura untuk melihat bagaimana sistem jagaan kanak-kanak di negara Kota Singa itu beroperasi.

“Saya pernah ke Singapura untuk melihat bagaimana pusat jagaan kanak-kanak mereka diuruskan, dan saya dapatkan anak-anak di sana sangat terjaga dalam aspek ini.

“Kerajaan mereka memikirkan soal penjagaan anak-anak sejak di peringkat perancangan lagi. Maksudnya, apabila mereka merancang untuk membangunkan kawasan perumahan, mereka juga turut merancang soal penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di kawasan berkenaan,” ujarnya.

Di Pulau Pinang pula menurut Chong Eng, walaupun banyak perancangan telah digarap, namun Kerajaan Negeri ketika ini mempunyai batas tertentu dalam soal pembangunan pusat jagaan kanak-kanak yang lengkap dan selesa kerana perkara itu memerlukan peruntukan sangat besar.

Jelasnya, selepas mengambil alih pentadbiran pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa pusat jagaan kanak-kanak di kawasan dikenal pasti, namun amat mengejutkan apabila sambutan yang diterima adalah kurang menggalakkan.

“Pada tahun 2011, kita (Kerajaan Negeri) ada buka sebuah pusat jagaan kanak-kanak di Bukit Mertajam berdekatan dengan kawasan perumahan, tapi kita gagal capai sasaran yang ditetapkan kerana tidak ramai ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sana.

“Ini menyebabkan kos untuk mengendalikan pusat jagaan kanak-kanak itu menjadi tidak efektif,” kata beliau.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu, pada tahun 2014 pula, Kerajaan Negeri telah membuka sebuah Taska iaitu di Tingkat 4, bangunan Komtar bagi menempatkan kanak-kanak berumur empat tahun dan ke bawah.

“Selepas kita lakukan kaji-selidik, kita dapat di Komtar ramai pekerja di sana adalah golongan ibu muda. Jadi, kita wujudkan Taska di sana untuk kemudahan mereka.

“Tapi memandangkan kos sewaan di Komtar yang agak mahal, maka kita hanya mampu sediakan ruangan bersaiz kecil dan hanya dapat memuatkan seramai 25 orang kanak-kanak sahaja.

“Namun apabila kita berbincang dengan pihak yang lebih pakar, mereka menyatakan bahawa untuk memastikan sesbuah Taska beroperasi dalam jangka masa panjang ia adalah memerlukan seramai 50



CHONG Eng.

kanak-kanak. Jadi, kita bercadang untuk meningkatkan jumlah kanak-kanak di Taska itu sekurang-kurangnya 30 hingga 40 orang,” jelasnya.

Penglibatan wanita dalam politik

Walau bagaimanapun menurut Chong Eng, segala dasar yang dirancang tidak akan terlaksana sekiranya tidak ada penglibatan golongan wanita dengan jumlah mencukupi pada peringkat pembuat dasar di negara ini.

Untuk itu tambahnya, lebih ramai wanita perlu tampil ke depan dan menyertai arena politik bagi membolehkan dasar-dasar yang menjaga kepentingan golongan ibu dapat digubal.

“Ramai yang beranggapan bahawa politik itu jauh daripada kehidupan kita. Itu adalah tidak benar. Sebenarnya, politiklah yang menentukan keadaan persekitaran kehidupan kita. Apa saja keputusan berkaitan dasar di negara ini dibuat oleh orang-orang politik.

“Sebab itulah saya sarankan supaya lebih ramai wanita tampil menyertai politik agar suara kita dapat didengar,” serunya.

Chong Eng yang juga Pengurus Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menjelaskan bahawa ramai golongan wanita tidak berani untuk tampil ke arus perdana disebabkan persekitaran yang mereka diam kini lebih didominasi oleh golongan lelaki.

“Ini menyebabkan golongan wanita sukar untuk menonjolkan diri. (Dan) ada juga yang beranggapan bahawa politik itu adalah sesuatu yang kotor kerana dipenuhi dengan pelbagai skandal dan rasuah.

“Sebab itu ramai dalam kalangan wanita lebih selesa mengetuai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan menjauahkan diri daripada terlibat dalam bidang politik,” katanya.

Tambah beliau, di Pulau Pinang keadaan

alah agak berbeza apabila Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa dasar bagi menghargai peranan golongan wanita sekaligus dapat menggalakkan penyertaan mereka dalam bidang politik.

Antaranya, dengan menetapkan dasar supaya setiap JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) mempunyai 30 peratus perwakilan wanita menjelang tahun 2021.

“Dengan sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan, barulah suara wanita akan cukup kuat dan boleh didengar dalam mesyuarat.

“Apabila sesuatu perkara berkaitan dengan kebijakan wanita atau anak-anak dibentangkan, barulah cukup suara wanita untuk perkara tersebut diberikan keutamaan,” ujarnya.

Pembangunan belia dan sukan

Sementara itu, di bawah portfolio Belia & Sukan pula memerlukan Chong Eng untuk bekerja bersama organisasi belia serta persatuan sukan negeri dengan membantu kumpulan-kumpulan berkenaan menerusi peruntukan kewangan atau sokongan moral.

“Untuk saya, sukan bukan sahaja baik untuk badan dan minda malah turut membawa mesej yang positif.

“Kerajaan Negeri sangat menyokong gaya hidup sihat seperti ini sebab itu kita bina banyak taman poket dan menaik taraf taman-taman yang ada.

“Kita juga ada polisi iaitu satu KADUN (Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri) satu gelanggang, sama ada gelanggang futsal atau gelanggang bola keranjang.

“Kemudahan ini adalah sangat penting bagi menarik lebih ramai anak muda bersukan sekaligus dapat melahirkan banyak bakat cemerlang serta mewujudkan generasi yang lebih berdisiplin serta berdaya saing,” jelasnya.

Kerajaan Negeri Pakatan Harapan cakna kebajikan wanita Pulau Pinang

Apa kata penerima?

KEPRIHATINAN Kerajaan Negeri Pakatan Harapan terhadap golongan wanita sememangnya tidak dapat dipertikaikan sejak mentadbir Pulau Pinang sedekad lalu.

Perkara tersebut dapat dilihat dengan jelas melalui kepelbagaian program serta skim yang diperkenalkan Kerajaan Negeri sebagai menghargai sumbangan golongan Hawa terhadap pembangunan Pulau Pinang serta institusi masyarakat.

Melalui program Ibu Emas yang mula diperkenalkan sejak tahun 2014, jumlah peningkatan penerima dapat dilihat daripada 40,589 penerima pada tahun 2015, 54,000 (2016) kepada 58,170 (2017).

Dalam meningkatkan taraf hidup, bantuan keusahawanan seperti Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yakni pinjaman tanpa faedah, bantuan perumahan dan lain-lain skim turut menyenaraikan golongan ibu tunggal yang dinilai sebagai keutamaan.

Selain itu, Pulau Pinang juga pernah mencatatkan sejarah tersendiri apabila dua penerima pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini dipimpin oleh kaum Hawa.

Terbaru, melalui Bajet Marhaen 2018, Kerajaan Negeri memperkenalkan insentif RM300 kepada ibu berkerjaya yang mempunyai anak tahun ke bawah.

Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac lalu, penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI & NUR AFINA MOHD. RAFIQ MICHAEL** menjalankan beberapa tinjauan fokus terhadap golongan wanita bagi mendapatkan reaksi berkenaan program-program kebajikan membabitkan golongan berkaitan di negeri ini.



NOR Rehan Musa.

Ibu tunggal, **NOR REHAN MUSA**, 37, menyifatkan Kerajaan Negeri melalui Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang sangat prihatin akan keadaan beliau yang ditimpa kemalangan pada Disember 2017.

“Chong Eng dan Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) merupakan antara individu terawal membantu saya apabila ditimpa musibah sehingga memaksa kaki kiri saya dipotong.

“Depa’ bantu la saya dari segi keperluan harian, wang ringgit, bantu anak-anak saya ke sekolah termasuk bekalan lampin pakai buang,” katanya yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT).

Beliau yang kini dalam proses percubaan untuk mendapatkan kaki palsu juga nekad meneruskan mata pencarian sebagai peniaga kuih sejurus sembah sepenuhnya.

“Esok (27 Mac) saya akan ke hospital untuk cuba pakai kaki palsu bagi memudahkan pergerakan saya, kalau tak



PENULIS (kiri) ketika sedang menemuramah Lee Cheow Yen di kediamannya baru-baru ini.

dak apa-apa, saya nak beniaga balik demi menyara dua anak yang masih bersekolah di darjah dua dan tiga,” jelasnya.

Selain daripada bantuan yang diberikan oleh ADUN dan Ahli Parlimen berkaitan, Nor Rehan turut menerima bantuan lain daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta badan bukan kerajaan (NGO).

Seorang lagi penerima, **LEE CHEOW YEN**, 48, mengakui bahawa program saringan mamogram percuma iaitu *MammoPenang* hasil insiatif Kerajaan Negeri adalah sangat bermanfaat terhadap golongan wanita di Pulau Pinang terutamanya dalam membantu mengesan kanser payudara.

“Saya dapat tahu ada pemeriksaan percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui pembantu Pusat Khidmat ADUN Padang Lalang, jadi saya ambil peluang tersebut kerana jika melakukannya sendiri semestinya melibatkan kos.

“Proses memohon juga sangat mudah, tidak merumitkan... ianya tidak perlu melakukan temu janji, hanya perlu ke pusat perubatan yang disahkan untuk melakukan pemeriksaan setelah mendaftar melalui pusat khidmat,” ujarnya ketika ditemu ramah di kediaman beliau baru-baru ini.

Kata Cheow Yen, di sebalik program bermanfaat tersebut, beliau mencadangkan beberapa penambahbaikan seperti kemudahan pemeriksaan tersebut diberikan setiap tahun seiring dengan peningkatan usia yang menambah risiko penyakit.

“Ujian mamogram pada pendapat saya adalah sangat bagus dan menjadi satu keperluan kepada wanita hari ini, pengesanan awal tahap kanser payudara seseorang memungkinkan nyawa individu tersebut mungkin dapat diselamatkan,” maklumnya.

Bagi **REETA PETER**, 51, beliau amat tabah menjaga suami dan anaknya yang sakit.

“Anak perempuan saya Melissa Raman, 16, pada tahun lepas mendapat sumbangan daripada wakil rakyat sebanyak RM2,700 untuk pembedahan tulang belakang di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

“Selain itu, saya perlu kuat untuk menjaga suami saya, A. Raman yang menderita penyakit angin ahmar. Kami sekeluarga yang tidak mempunyai pendapatan hanya bergantung kepada wang Pertubuhan Keselamatan Sosial

(PERKESO).

“Di sebalik kesusahan ditanggung, wakil rakyat turut mengambil berat tentang masalah kami... saya juga memuji usaha Kerajaan Negeri memperkenalkan pelbagai insentif kebajikan untuk semua golongan tanpa mengira latar belakang,” ujarnya.



REETA Peter dan A. Raman.

Penemuan meriam di tapak ekskavasi Fort Cornwallis, satu bonus buat Noridayu

SEORANG wanita bertudung yang nampak tegas pada raut wajahnya, tegap pada lengkok jalannya dan lemah lembut budi bicaranya, tapi di sebalik keayuan tersebut siapa menyangka **NORIDAYU BAKRY**, 29, merupakan seorang gadis yang memiliki seribu keazaman serta sifat profesionalisme dalam bidang arkeologi.



NORIDAYU Bakry.

Menyengkap iltizam beliau, wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** cuba mendekati wanita berjiwa besar tersebut kerana lazimnya adalah agak janggal bagi golongan Hawa memilih kerjaya yang terdedah kepada cuaca panas terik mentari setiap hari.

Memulakan bicara, graduan *Masters Historical Archaeology* dari Universiti Sains Malaysia (USM) tersebut menyatakan bahawa faktor yang membawa minat mendalam beliau terhadap arkeologi adalah ia merupakan cabang sains yang memerlukan pengumpulan data, menjalankan eksperimen, membuat formula serta hipotesis, menguji hipotesis dan membuat interpretasi serta model untuk membina gambaran sejarah lampau.

Katanya, dari situ beliau dapat mengaitkan data-data sejarah bertulis dengan artifik-artifik yang ada, selain suka mencuba bidang baru dalam arkeologi.

"Contohnya seperti bidang litik iaitu Kajian Alat Kapak Genggam Bukit Bunuh Dan Sumbangannya Kepada Data Paleolitik Asia Tenggara yang dilaksanakan ketika di peringkat pengajian master dahulu."

"Bidang ini (litik) berhubung kait dengan alat-alat batu pada zaman pra-sejarah...pada zaman ini tiada langsung data-data bertulis, jadi hanya dapat merujuk kepada artifik-artifik yang dijumpai sahaja seperti alat kapak genggam yang digunakan pada zaman Paleolitik di Bukit Bunuh,

Perak.

"Alat kapak genggam ditemui pertama kali di Malaysia oleh Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin (Pengarah Pusat Arkeologi USM) pada tahun 2001, tapi kewujudan alat kapak genggam di Asia Tenggara disangkal kerana dikatakan teknologi alat batu masyarakat (Asia Tenggara) adalah mundur dan teknologinya dikatakan berbeza dengan kawasan Eropah, Afrika dan kawasan-kawasan lain.

"Justeru, bagi membuktikan alat kapak genggam yang ditemui di Bukit Bunuh mempunyai teknologi pembuatan yang sama seperti di Eropah, saya melakukan kajian lanjutan untuk menyangkal dakwaan bahawa masyarakat Asia Tenggara ketika itu adalah terkebelakang," kata anak kelahiran Kelantan berkaitan.

Untuk memahami bagaimana cara alatan kapak genggam tersebut dihasilkan, Noridayu memberitahu, beliau cuba meletakkan dirinya pada 'kotak pemikiran' masyarakat zaman itu dan cuba menghasilkan sendiri alat kapak genggam serupa menggunakan batu.

"Dengan cara ini sahaja saya dapat mengetahui dengan lebih mendalam cara kehidupan mereka (Paleolitik), cara penggunaan alatan tersebut dan jenis alat-alat berkaitan ketika itu, walaupun proses menghasilkan alat kapak genggam tersebut adalah agak susah hingga mencederakan jari saya ketika itu," ujarnya sambil menyatakan bahawa selain tapak penempatan awal masyarakat Paleolitik, Bukit Bunuh juga merupakan tapak impak meteorid kira-kira 1.83 juta tahun dahulu.

Teruja, penemuan meriam 200 tahun merupakan 'bonus'

Februari lalu, Noridayu merupakan orang pertama yang berjaya menemui meriam berkembar di tapak ekskavasi Fort Cornwallis.

Kedua-dua meriam yang dipercayai digunakan pada era pemerintahan King George III itu juga bakal mengubah sejarah asal Fort Cornwallis yang selama ini dikenali sebagai Kota Keamanan.

Mengulas lanjut berhubung penemuan tersebut, anak kelima daripada tujuh beradik berkaitan menyatakan bahawa pada mulanya beliau dan tiga lagi rakannya hanya ditugaskan untuk mencari struktur parit lama kubu yang digelar parit pertahanan pada zaman British.

"Ketika mula ditugaskan di tapak, kami memang menjangkakan akan menjumpai



KETIKA melakukan eksperimen teknologi pembuatan alat kapak genggam masyarakat Paleolitik.

banyak bahan sejarah selain parit pertahanan, tetapi tak sangka ia (meriam) masih berada di situ memandangkan dia berlaku peralihan dari zaman pemerintahan British, Jepun dan seterusnya.

"Ketika pertama kali meriam dijumpai di situ, perasaan teruja memang ada...ia macam satu bonus buat saya sendiri," jelasnya sambil menyatakan bahawa meriam tersebut adalah berusia kira-kira 200 tahun.

Rentetan daripada itu, Noridayu yang berpewatakan ramah tidak kekok berkongsi perancangan masa hadapannya yang berkeinginan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah (PHD) dalam bidang arkeologi.

"Jika di peringkat master dulu saya membuat kajian mengenai zaman pra-sejarah, tetapi kini saya ingin explore tentang sejarah, ia lebih menarik sebenarnya."

"Struktur yang ditemui mungkin berkait dengan sejarah, malah masa melakukan kerja-kerja menggali sememangnya perlu merujuk kepada peta-peta asal," katanya.

Malah, difahamkan Noridayu juga terlibat sama dalam Projek Sia Boey Perangin Canal 2017 dan Projek Publik Arkeologi iaitu *Fort Cornwallis Young Archaeologist Programme*.

Minat & rasa ingin tahu kunci kesabaran

"Dalam arkeologi selagi menggali tak jumpa, kita mesti nak gali, gali dan gali lagi sampai jumpa apa yang dicari, bila dah jumpa lagi bertambah semangat untuk teruskan penggalian," kongsi Noridayu ketika ditanya apakah peranggang yang menjadikan beliau begitu ghairah terhadap bidang arkeologi.

Menurutnya, minat dan rasa ingin nak tahu mendorong kesabaran beliau untuk terus

"*Perak Man* telah dikebumikan dengan posisi 'foetal' iaitu kedua kakinya berlipat ke arah dada dengan tangannya memegang beberapa jenis daging. Ia dikebumikan bersama-sama dengan beberapa peralatan batu dan beribu-ribu kerang sungai, dan *Perak Man* ini merupakan ahli penting bagi puaknya.

"Zuraina bukan sahaja ahli arkeologi pertama negara yang berjaya membawa penemuan bersejarah, sebaliknya juga wanita pertama menceburkan diri dalam bidang arkeologi.

"Kini, pertambahan ahli arkeologi dalam kalangan wanita semakin bermambah, ini membuatkan saya amat kagum kerana bukan semua wanita sanggup dan ingin terdedah kepada terik panas matahari dan cuaca tak menentu setiap hari," selorohnya sambil ketawa apabila mengenangkan reaksi ibunya setiap kali beliau pulang ke kampung dengan keadaan kulit wajah yang semakin perang.

Selain Zuraina, Noridayu juga menjadikan Dr. Goh Hsiao Mei yang juga Pensyarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM sebagai inspirasi.

"Bila kerja dengan beliau, saya dapat lihat semangatnya, sangat hebat...dari situ saya dapat serapkan semangat dan belajar daripada beliau," jelas beliau.

Hasrat terokai lebih banyak tapak arkeologi di Pulau Pinang

Noridayu memberitahu, negeri Pulau Pinang sendiri kaya dengan tinggalan sejarah peradabannya dan beliau percaya bahawa masih banyak terdapat tinggalan bahan-bahan bersejarah yang berkaitan antara satu sama lain serta tapak yang boleh ditemui di negeri ini terutamanya di kawasan George Town.

"Di negeri ini khususnya George Town, saya percaya masih terdapat banyak lagi tapak yang seusia dan sezaman dengan tapak ekskavasi Fort Cornwallis iaitu sewaktu kedatangan awal pihak British di sini."

"Jika ditanya di manakah tapak yang saya teringin nak explore, tentunya Pulau Pinang kerana ingin mencungkil dan terokai apakah kaitannya di antara satu tapak dengan tapak yang lain, pasti ada saling kaitannya, itulah sejarah."

"Tetapi, bukan mudah untuk explore sesebuah tapak, belum tentu pun dapat kerana pelbagai prosedur perlu terlibat selain mendapatkan kelulusan berbagai pihak atasan," katanya.

Pengusaha bas kilang disaran sewa tapak khas elak tindakan undang-undang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PAYA TERUBONG - Para pengusaha bas digesa supaya segera berhubung dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi mendapatkan tapak khas yang telah disediakan untuk memarkir bas masing-masing selepas waktu operasi.

Seruan tersebut dibuat Jurutera Kanan Lalulintas Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Zainuddin Mohamad Shariff ketika mengadakan operasi bersepadu membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekitar lokasi panas dekat Relau dan Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Menurut Zainuddin, pihak PDC kini menyediakan dua lokasi khas sekitar Batu Maung untuk kemudahan tersebut yang akan disewakan kepada pengusaha-pengusaha berminat.

"Satu di sebelah tanah lapang berhampiran kilang NI Semiconductor dan satu lagi berhampiran Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua).

"Saya difahamkan, setiap kawasan tersebut mampu memuatkan kira-kira 100 bas kilang pada satu-satu masa.

"Selain itu, jika perlu, mereka (pengusaha) juga boleh memilih alternatif untuk menyewa tanah milikan persendirian bagi meletakkan bas masing-masing," ujar beliau.

Hadir sama, Timbalan Penguatkuasa SPAD, Ismail Munajat dan Penolong Pegawai Penguatkuasa Kanan JPJ, Fazli Mohd. Yassin.

Pada operasi berkenaan, sebanyak 31 saman termasuk empat notis dikeluarkan oleh pihak berkuasa terlibat atas kesalahan melakukan halangan lalu lintas.



SALAH seorang anggota trafik PDRM yang terlibat di dalam operasi bersepadu di sini baru-baru ini.

<p>PROGRAM CELIK AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Sekolah-sekolah terpilih</p> <ul style="list-style-type: none"> Membaca pulih pelajar yang sangat lemah dalam bacaan Al-Quran dan dapat menulis dengan baik Membangun modal insan yang berkualiti dari semua aspek kehidupan di dunia dan akhirat. Memperkasakan pelajar dengan ahlak Al-Quran. Merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan "Satu Keluarga Seorang Hafiz". <p>Tarikh : Sepanjang bulan-bulan Al-Quran Tempat : Surau-surau sekolah terpilih Urus setia : Bahagian Pendidikan, JHEAIPP No. Tel. : 04-250 2800</p> <p>KELAS TAHSIN DAN TAFSIR PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Penyertaan terbuka</p> <p>Tarikh : 19 Mac 2018 - 2 Jun 2018 Tempat : Maahad tahfiz terpilih Urus setia : KITAB No. Tel. : 04-8351680</p> <p>PROGRAM HAFAZAN DAN TALAQQI AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Penyertaan terbuka</p> <ul style="list-style-type: none"> Melahirkan Huffaz Al-Quran dalam kalangan orang awam bagi merealisasikan matlamat kerajaan negeri untuk melahirkan "Satu Keluarga Seorang Hafiz Al-Quran". Memberi pendekaran kepada masyarakat berkaitan kelebihan dan keistimewaan menghafaz Al-Quran. <p>Tarikh : 24 Mac - 2 Jun 2018 (Setiap Sabtu) Masa : 9.30 pagi - 12.30 tengahari Tempat : Masjid Negeri Pulau Pinang Urus setia : Masjid Negeri Pulau Pinang No. Tel. : 04-828 2212</p>	<p>"KHUTBAH MEDIUM WAHYU ILAHI : KHATIB SUPER KHUTBAH POWER" PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Terbuka kepada pegawai masjid & pelapis pegawai masjid</p> <ul style="list-style-type: none"> Khutbah merupakan medium terbaik bagi menyuluhan wahyu ilahi. Ini kerana khutbah dibacakan sebelum solat jumaat dan merupakan salah satu syarat-sah solat Jumaat yang jelas diberikan perhatian dan keistimewaan sehingga surah ke 62 Al-Quran dinamakan sebagai surah al-Jumah. Hari jumaat adalah hari perhimpunan mingguan umat Islam yang besar. Justeru, medium khutbah ini wajib digunakan dengan sebaik mungkin sebagai medium penyampaian wahyu ilahi bagi tujuan penghayatan dalam kehidupan. <p>Tarikh : 1 April 2018 / 14 Rejab 1439H Masa : 8.00 pagi - 1.00 petang Tempat : ILP Kapela Batas, Pulau Pinang Urus setia : Bahagian PMS, JHEAIPP No. Tel. : 04-250 2800</p> <p>SEMINAR AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Penyertaan terbuka</p> <p>Tajuk : "Memahami Konsep Siasah Menurut Al-Quran : Persepsi Dan Realiti" Tarikh : 12 Mei 2018 / 26 Syaaban 1439H Masa : 8.00 pagi - 1.15 petang Tempat : TH Hotel, Bayan Lepas, Pulau Pinang Urus setia : Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang No. Tel. : 04-263 2975</p> <p>STREET DAKWAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Penyertaan terbuka</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyeramarakan usaha dakwah melalui gabungan tenaga antara JHEAIPP, Kerajaan Negeri dan Gabungan NGO Dakwah Negeri Pulau Pinang. Menggalakkan masyarakat untuk menyertai kerja-kerja sukarelawan dakwah. Meningkatkan semangat untuk berdakwah ke arah kebaikan dalam kalangan masyarakat melalui pendekaran yang pelbagai. <p>Tarikh : 26 - 27 Mei 2018 / 2 & 3 Jun 2018 Tempat : Masjid Negeri Pulau Pinang Urus setia : Bahagian Dakwah, JHEAIPP No. Tel. : 04-262 6658</p>	<p>PROGRAM BACAAN KITAB PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Penyertaan terbuka</p> <ul style="list-style-type: none"> Melahirkan masyarakat yang berilmu dan bertaqwa melalui pemahaman dan penghayatan isi kandungan Al-Quran yang syamil. Menerapkan objektif kerajaan negeri bagi melahirkan satu keluarga satu hafiz, di samping itu melahirkan penghayatan terhadap nilai-nilai mutu berdasarkan ayat-ayat Al-Quran dan as-Sunnah. Mempelbagaikan aktiviti yang sedia agak lebih efektif dengan kehendak semasa. <p>Kitab : Nurul Iqtibas Min Misykatil Hadis ibn Abbas Oleh : Ibn Rajab Al Hanbali Tarikh : 2 Jun 2018 / 17 Ramadan 1439H Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang Tempat : Masjid Negeri Pulau Pinang Urus setia : Bahagian Pendidikan, JHEAIPP No. Tel. : 04-250 2800</p> <p>MAJLIS SAMBUTAN NUZUL QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Penyertaan terbuka</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengajak masyarakat untuk memperingati peristiwa penurunan Al-Quran yang begitu bersejarah di dalam Islam. Menghidupkan bulan Ramadan dengan pelbagai program Membentuk budaya cintakan Al-Quran di kalangan masyarakat. <p>Tarikh : 2 Jun 2018 / 17 Ramadan 1439H Masa : 5.00 petang - 11.00 malam Tempat : Masjid Negeri Pulau Pinang Urus setia : Bahagian Dakwah, JHEAIPP No. Tel. : 04-262 6658</p>	<p>PROGRAM JELAJAH IBRAH AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018M / 1439H</p> <p>Penyertaan terbuka</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>DAERAH</th> <th>TEMPAT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Daerah Barat Daya</td> <td> 1. Masjid Al-Qahhar, Permatang Damar Laut 2. Kem ATM Sungai Ara 3. Kolej Kemahiran Tinggi Mara Balik Pulau , Pulau Pinang 4. Masjid Teluk Bahang 5. Masjid Ridhwanyyah </td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Daerah Timur Laut</td> <td> 1. USM 2. Kolej Vokasional Batu Lanchang 3. Masjid Batu Ferringhi 4. AADK Timur Laut </td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Daerah Seberang Perai Utara (Butterworth)</td> <td> 1. Masjid Sungai Dua Pekan 2. Kolej Vokasional Teknik Air Tawar 3. Kem Teratai Utara Butterworth YBhg. Tuan Haji Rosli bin Othman </td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Daerah Seberang Perai Utara (K. Batas)</td> <td> 1. Masjid Assalam Kg Tok Bedu , Tasik Gelugor 2. Masjid Jamek al-Hidayah , Lahar Tiang, Kepala Batas 3. CCRC Kg Selamat 4. Sekolah Menengah Datuk Pinang Tunggal </td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Daerah Seberang Perai Tengah</td> <td> 1. Masjid Bukit Minyak 2. Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh 3. Sekolah Menengah High School Bukit Mertajam </td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Daerah Seberang Perai Selatan</td> <td> 1. Kolej Vokasional Nibong Tebal 2. Masjid Al-Amni Simpang Tiga, Sungai Acheh 3. Pengara JAWI 4. Masjid Jamek Kepala Gajah Urusetia : Bahagian Dakwah, JHEAIPP / No. Tel. : 04-262 6658 <i>Tertakluk pada pindaan.</i> </td> </tr> </tbody> </table>	BIL.	DAERAH	TEMPAT	1.	Daerah Barat Daya	1. Masjid Al-Qahhar, Permatang Damar Laut 2. Kem ATM Sungai Ara 3. Kolej Kemahiran Tinggi Mara Balik Pulau , Pulau Pinang 4. Masjid Teluk Bahang 5. Masjid Ridhwanyyah	2.	Daerah Timur Laut	1. USM 2. Kolej Vokasional Batu Lanchang 3. Masjid Batu Ferringhi 4. AADK Timur Laut	3.	Daerah Seberang Perai Utara (Butterworth)	1. Masjid Sungai Dua Pekan 2. Kolej Vokasional Teknik Air Tawar 3. Kem Teratai Utara Butterworth YBhg. Tuan Haji Rosli bin Othman	4.	Daerah Seberang Perai Utara (K. Batas)	1. Masjid Assalam Kg Tok Bedu , Tasik Gelugor 2. Masjid Jamek al-Hidayah , Lahar Tiang, Kepala Batas 3. CCRC Kg Selamat 4. Sekolah Menengah Datuk Pinang Tunggal	5.	Daerah Seberang Perai Tengah	1. Masjid Bukit Minyak 2. Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh 3. Sekolah Menengah High School Bukit Mertajam	6.	Daerah Seberang Perai Selatan	1. Kolej Vokasional Nibong Tebal 2. Masjid Al-Amni Simpang Tiga, Sungai Acheh 3. Pengara JAWI 4. Masjid Jamek Kepala Gajah Urusetia : Bahagian Dakwah, JHEAIPP / No. Tel. : 04-262 6658 <i>Tertakluk pada pindaan.</i>
BIL.	DAERAH	TEMPAT																						
1.	Daerah Barat Daya	1. Masjid Al-Qahhar, Permatang Damar Laut 2. Kem ATM Sungai Ara 3. Kolej Kemahiran Tinggi Mara Balik Pulau , Pulau Pinang 4. Masjid Teluk Bahang 5. Masjid Ridhwanyyah																						
2.	Daerah Timur Laut	1. USM 2. Kolej Vokasional Batu Lanchang 3. Masjid Batu Ferringhi 4. AADK Timur Laut																						
3.	Daerah Seberang Perai Utara (Butterworth)	1. Masjid Sungai Dua Pekan 2. Kolej Vokasional Teknik Air Tawar 3. Kem Teratai Utara Butterworth YBhg. Tuan Haji Rosli bin Othman																						
4.	Daerah Seberang Perai Utara (K. Batas)	1. Masjid Assalam Kg Tok Bedu , Tasik Gelugor 2. Masjid Jamek al-Hidayah , Lahar Tiang, Kepala Batas 3. CCRC Kg Selamat 4. Sekolah Menengah Datuk Pinang Tunggal																						
5.	Daerah Seberang Perai Tengah	1. Masjid Bukit Minyak 2. Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh 3. Sekolah Menengah High School Bukit Mertajam																						
6.	Daerah Seberang Perai Selatan	1. Kolej Vokasional Nibong Tebal 2. Masjid Al-Amni Simpang Tiga, Sungai Acheh 3. Pengara JAWI 4. Masjid Jamek Kepala Gajah Urusetia : Bahagian Dakwah, JHEAIPP / No. Tel. : 04-262 6658 <i>Tertakluk pada pindaan.</i>																						

Objektif

- Menyemarakkan semangat cintakan Al-Quran di kalangan penduduk Negeri Pulau Pinang.
- Membudayakan program keilmuan di kalangan masyarakat.
- Mewujudkan persekitaran masyarakat yang harmoni berpandukan kepada Al-Quran dan al-Sunnah.
- Melahirkan generasi pelapis di dalam masyarakat Pulau Pinang yang sentiasa mendampingi Al-Quran dan majlis-majlis ilmu.

Raikan Hari Wanita dengan semangat capai kesaksamaan gender

PADA 8 Mac 2018, sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat Negeri Pulau Pinang telah dirasmikan oleh YABhg. Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff, isteri Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang. Sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat Negeri Pulau Pinang dipengerusikan oleh YB Chong Eng, EXCO Belia & Sukan dan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, dan dianjurkan bersama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang, PWDC.

Sebagai persiapan kepada acara ini, Dewan Sri Pinang telah dihiasi dengan kain yang berwarna ungu di dalam dan di luar bangunan tersebut. Ini kerana tema Hari Wanita Sedunia 2018 untuk negeri Pulau Pinang ialah ‘Penang for Purple’. Warna ungu melambangkan keadilan dan ketinggian martabat untuk semua wanita. Suasana ini bertambah menarik apabila para peserta yang

datang juga memakai pakaian dan aksesori yang berwarna ungu. Boleh dikatakan keseluruhan dewan telah ditenggelami dengan lautan ungu, yang mana kain rentang berwarna ungu, bendera dan banting ungu menghiasi sepanjang laluan bahagian dalam dan luar kawasan pameran pada 8 Mac berkenaan.

Seawal jam 7.15 pagi, ruang pameran telah menjadi tumpuan aktiviti dan mereka yang terlibat dengan pameran sibuk menyiapkan susunan meja dan peralatan serta bahan-bahan yang bakal dipamerkan. Pada jam 8 pagi, aturcara majlis telah bermula dengan kuanter pendaftaran telah dibuka untuk memboleh para hadirin mendaftar dan mengambil beg cenderahati mereka yang berwarna ungu. Suasana ceria dengan suara gelak ketawa para hadirin yang berjalan memasuki dewan sementara menunggu ketibaan para tetamu kenamaan.

Sewaktu ketibaan YABhg. Toh Puan, semua hadirin telah berada di dalam Dewan. Tanpa membuang masa, YB Chong Eng telah menyampaikan ucapan pembukaan. Ini diikuti dengan ucapan perasmian yang disampaikan oleh YABhg. Toh Puan dan gimik perasmian.

Dalam ucapannya, YB Chong Eng telah menekankan kepentingan peranan wanita dalam masyarakat. Kaum wanita kini telah menceburii bidang-bidang di luar bidang tradisi, sebaliknya mereka menceburii bidang-bidang yang lebih mencabar mental dan fizikal seperti pasukan keselamatan, berteknologi atau STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik). Walaupun banyak wanita telah terlibat dalam bidang baru dan di luar daripada peranan kebiasaan, namun data semasa masih menunjukkan tidak ramai wanita terlibat dalam kumpulan pembuat keputusan. Oleh itu, tema Hari Wanita Sedunia tahun ini menyeru kaum wanita terus memacu ke arah kemajuan.

Tambah beliau lagi, jika kita melihat penglibatan wanita dalam bidang politik kebangsaan, jurang antara jantina masih lagi terluar luas. Dalam laporan “Inter-Parliamentary Union” menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan 155 daripada 192 negara yang mempunyai perwakilan parliment dari kalangan wanita. Dalam Dewan Rakyat hari ini, cuma 24 daripada 222 ahli Dewan Rakyat atau 10.8 peratus adalah wanita. Penyertaan wanita dalam politik kebangsaan perlu diperkuuhkan untuk memastikan hak-hak, isu-isu dan kepentingan wanita dipelihara. Mereka juga dapat memastikan dasar-dasar



KETIBAAN Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Shariff ke acara rasmi Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac lalu.

yang memanfaatkan kaum wanita digubalkan oleh kerajaan agar mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan.

Dalam ucapan YABhg. Toh Puan pula, beliau mengingatkan hadirin bahawa Hari Wanita Sedunia yang merupakan acara tahunan seluruh dunia diraikan bukan sahaja untuk menimbulkan kesedaran tentang peranan wanita tetapi juga menobatkan kejayaan dan pengorbanan wanita di seluruh dunia dalam pelbagai bidang.

Masyarakat kita hari ini mungkin tidak boleh mencapai kemajuan yang pesat tanpa penglibatan wanita yang semakin berkaliher dan berilmu. Oleh itu, peranan dan sumbangan wanita tidak harus dipandang remeh. Beliau menegaskan bahawa kita menghargai peranan wanita sebagai suri rumah tangga kerana kerjanya tidak dapat dihitung dengan wang ringgit. Ini kerana mereka merupakan “glu” atau

pelekat yang membawa semua ahli keluarga bersama. Dengan sifat ini, mereka mampu memelihara, melindungi dan membawa kebahagiaan kepada keluarga. Wanita terutamanya ibu yang bukan sahaja menjadi tempat anak-anak menaigh kasih tetapi juga menjadi inspirasi seluruh keluarga. Seterusnya, beliau menyeru semua pihak meraikan Hari Wanita Sedunia 2018 dengan semangat dan komitmen untuk melihat kesaksamaan gender tercapai.

Selepas ucapan, YABhg. Toh Puan melawat tempat-tempat pameran, sementara itu para hadirin disajikan dengan program Bicara Perdana oleh empat panel yang berbeza latarbelakang iaitu: YB Hannah Yeoh, Boonsiri Somchit, Yasmin Rasyid dan Jerry Yeoh. Acara tersebut diakhiri dengan tepukan gemuruh dan penuh bersemangat kepada para panelis yang telah berkongsi idea dan ucapan yang sangat menarik.



BARISAN panel yang terdiri daripada Yasmin Rasyid, Boonsiri Somchit, YB Hannah Yeoh dan Jerry Yeoh. Turut serta, Chong Eng dan Ong Bee Leng.

WANITA

Perlukah Wanita Undi?
Penting sangat ke?

U N D I

Jom kita dengar apa Fatimah dan Aishah cakap.....

Fatimah: saya torang sangat nak kerja kerja... tapi tak boleh, ada tempat pun tak ada tempat pun untuk ibu, undian partu... letak anak... macam mana ye? Peninggal say...

Aishah: pilhanaya akan datang ni, kalau ada parti yang janjikan lebih baik untuk kaum ibu, undian partu... kalau mereka buat kerajaan, senangnya hidup kita nanti...

Wah... sayapun tahu undi sebaik masalah kami...

Tahu takpe, lain kali kalau pilihan raya mal, keluar ibu pun juga seronok kawas keluar parti yang prihatin pasal masalah kita...

Undi kaum wanita memastikan mereka mendapat kerajaan yang prihatin tentang keperluan ibu-ibu yang keluar bekerja.

ADUN saya bagi tu kalau wanita unyu kerajaan buat rakyat boleh dapat perkhidmatan kesihatan yang bagus. Betul ke ni Fatimah?

Entah lah, saya ni tak tahu sangat pasal benda-benda ni semua...

Duit cukai kitalah, apa lagi, Duit cukai ibu pun untuk kerajaan untuk bina klinik dan hospital kerajaan...

Mestilah, semua kalau ibu bersama pengundi ibu pun undi untuk kerajaan yang pandai belanja duit cukai kita...

Undi kaum wanita memutuskan kualiti perkhidmatan kesihatan awam dipertingkatkan

Saya nabi pendidikan berkualiti untuk anak-anak saya Fatimah, tapi saya nak keluar ibu pun juga. Masa pun masa je lah...

Jangan cakap miskam tu Aishah, kalau ibu pun undi untuk ibu pun nak keluar mengundi macam kamu, boleh kah anak-anak kita dapatkan pendidikan yang bagus?

Kita mungkin terpaksa bergotok gadut untuk membayar anak-anak kita ke universiti...

Ye kah? Anakku dan merantau? Kalau macam tu, saya akan pergi undi pada PRU inilah...

Oleh itu, wanita kecuaian undi untuk parti yang janji mansuhkan cukai yang bebanan rakyat.

Undi kaum wanita boleh menentukan pengurangan kos kehidupan untuk semua rakyat Malaysia.

Saya faham keluhan kamu Aishah. Bulan ini saja, Banyak-banyak ibu pun ni takken berlakukalau kita keluar mengundi...

Betul cakap kamu. Tapi malangnya ramai kawan saya miasal hak undi. Rugilah...

Oleh kena keluar undi untuk parti yang janji mansuhkan cukai yang bebanan rakyat.

Takde hal Aishah, kalau kamu halan betapa pentingnya wanita keluar mengundi, jadi keluar mengundi dan galakkan wanita lain keluar mengundi...

Memang berhalo sembang lama dengan kamu ni Fatimah. Saya tidak tahu betapa pentingnya wanita keluar mengundi...

Terima kasih sangat-sangat

PWDC
Penang Women's Development Corporation

Aras 47, KOMTAR, 10503, Pulau Pinang, Malaysia
 Tel: +604 261 2835/+604 261 5261
 Faks: +604 261 2839
 Emel: info@pwdc.org.my
www.pwdc.org.my

Pembukaan kemudahan ketiga Benchmark Facilities dipandu persekitaran kondusif, mesra perniagaan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

BATU MAUNG – Benchmark Electronics (Benchmark) iaitu sebuah syarikat perkhidmatan berdasarkan kejuruteraan dan pembuatan yang berpusat di Arizona, Amerika Syarikat melancarkan fasiliti ketiganya di sini dengan nilai keseluruhan pelaburan sebanyak RM300 juta sejak 2007.

Majlis perasmian kemudahan baharu tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

Naib Presiden merangkap Pengurus Besar Benchmark, Dr. Bala Murugan berkata, kemudahan terkini yang telah mula beroperasi tahu lalu (2017) adalah satu-satunya kelengkapan pihak berkaitan secara global yang menyediakan penyelesaian lengkap di bawah satu lokasi.

“Ia termasuk pembuatan elektronik, pengilangan komponen mekanikal, ujian peralatan model kompleks, pusat merekabentuk dan pusat perolehan antarabangsa.

“Malah, Benchmark juga merupakan satu-satunya syarikat perkilangan yang mempunyai semua perkhidmatan sedemikian di negeri ini,” ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Fasiliti Ketiga Benchmark bertempat di Zon Perindustrian Bebas (FIZ) Fasa 4.

Malah, menurut Bala, pertumbuhan syarikat tersebut yang mula bertapak di Pulau Pinang sejak tahun 2007 dipandu oleh persekitaran kondusif, mesra perniagaan dan cekap yang diberikan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri.

“Urus tadbir yang berwibawa, bertanggungjawab dan telus telah membolehkan syarikat multinasional seperti kami beroperasi dengan lebih berkesan di Pulau Pinang tanpa rasa takut atau curiga,” jelasnya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Ketua Pegawai Eksekutif Benchmark, Paul



(Dari kanan), MOHD. Rashid Hasnon, Paul Tufano, Ketua Menteri, Bala Murugan dan Prof. Dr. P. Ramasamy merakamkan gambar kenangan sejurus Majlis Perasmian Pembukaan Fasiliti Ketiga Benchmark bertempat di Zon Perindustrian Bebas (FIZ) Fasa 4 di sini baru-baru ini.

Tufano.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucaptama perasmianya memberitahu, Pulau Pinang baru-baru ini telah dinobatkan sebagai Hab Pembuatan Perkakasan Serantau dan Lembah Silikon Asia seterusnya oleh pihak British Broadcasting Corporation (BBC).

Katanya, untuk menjadikan perkara tersebut suatu kenyataan, Kerajaan Negeri kini memfokuskan kepada lima teras utama.

“Pertama adalah membangunkan bakat manusia

terutamanya dalam bidang STEM (Sains, Kejuruteraan, Bahasa Inggeris dan Matematik) dan berharap ia dapat dimajukan kepada STEAM pada masa depan iaitu A mewaliarts (kesenian).

“Kedua, membangunkan infrastruktur iaitu bukan sahaja meningkat taraf komunikasi, malah juga penyambungan digital.

“Ketiga, urus tadbir cekap dan pemimpin yang bersih, diikuti dengan mewujudkan bandar berdaya huni serta menggalakkan hubungan 4P (Public, Private, People and Professional Partnership),” ujarnya.

Sunway Carnival labur bina bangunan sayap baru diharap gamit lebih ramai pelancong

SEBERANG JAYA - Projek pemajuan bangunan sayap baru pasar raya Sunway Carnival Seberang Jaya yang akan dibina menelan belanja pelaburan kira-kira RM500 juta.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap pasar raya itu menjadi salah satu destinasi pelancongan membeli-belah pilihan serantau serta menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

“Pelaburan di Seberang Jaya begitu baik... saya begitu yakin Bandar Sunway akan menjadi sebuah bandar yang bersinar dengan kehadiran lebih ramai lagi pelancong,” katanya dalam Majlis Pecah Tanah Projek Pemajuan Bangunan Sayap Sunway Carnival Mall di sini 3 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan

Utiliti, Lim Hock Seng; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, 7.2 juta pelancong direkodkan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) pada tahun 2017 adalah menyamai peningkatan 8 peratus berbanding 6.6 juta penumpang pada tahun

sebelumnya.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Sunway merangkap anggota Exco Kumpulan Sunway, Datuk Jeffrey Ng menyatakan bahawa projek pelaburan terbaru berkaitan adalah terdiri oleh empat fasa dan akan siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Tambahnya, selepas siap projek itu, luas lantai pasar raya empat

tingkat tersebut adalah 1.45 juta kaki persegi, berbanding 780,000 kaki persegi sekarang.

“Selepas semua projek itu siap kelak, Sunway Carnival Mall akan terdiri oleh 450 lot kedai selain kira-kira 3,000 tapak parkir.

“Dijangkakan kira-kira 1,500 lagi peluang pekerjaan baru bakal dicipta selepas projek pelaburan ini siap sepenuhnya .

• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR)
NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah bermiaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

Selamat Hari Wanita, terima kasih untuk segala-galanya.

Kesaksamaan gender perlu usaha semua pihak - Exco

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

G E O R G E TOWN – Semua pihak diseru agar bertindak lebih proaktif dalam usaha merapatkan jurang antara dua gender di negara ini, kata Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng bersempena Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang 8 Mac lalu.

Katanya, berdasarkan Forum Ekonomi Sedunia, Malaysia masih ketinggalan dalam usaha mengurangkan jurang gender antara lelaki dan perempuan iaitu kini berada pada kedudukan 104 daripada 144 negara.

“Mengikut laporan ini juga, jurang antara kaum wanita dan lelaki hanya dapat dirapatkan pada tahun 2186 iaitu 168 tahun dari sekarang.

“Fakta ini adalah amat mengecewakan dan tindakan afirmatif harus diambil oleh pihak kerajaan pada semua peringkat, sektor swasta dan masyarakat secara keseluruhannya.

“Sekiranya tidak, kita (negara) juga perlu menunggu sehingga 100 tahun untuk mencapai matlamat berkaitan,” katanya



EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menyampaikan kuntuman bunga sebagai tanda penghormatan Kerajaan Negeri kepada salah seorang pengunjung Pasar Awam Bagan Ajam.

pada majlis sambutan yang dirasmikan oleh Toh Puan Dato’ Seri Utama Majimor Shariff di sini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Abdul Malik Abul Kassim dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang.

Pegawai Kewangan Negeri, Dato’ Sarul Bahiyah Abu; Mufti Pulau Pinang, Dato Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, Hannah Yeoh dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut hadir.

Walau bagaimanapun,



KETUA Menteri bergambar bersama-sama petugas media sejurus menyampaikan kuntuman bunga teluki pada majlis sidang media beliau baru-baru ini.

menurut Chong Eng, sesuatu yang harus dibanggakan adalah apabila Pulau Pinang mencatat kadar peratusan penglibatan tenaga kerja wanita lebih tinggi iaitu 57.9 peratus berbanding kadar peratusan negara (54.3 peratus).

“Namun, peratusan ini masih terlalu rendah berbanding dengan kadar penglibatan tenaga kerja lelaki yang berada pada tahap 80.2 peratus, iaitu perbezaan sebanyak 25.9 peratus,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Chong Eng menyatakan bahawa jurang antara gender juga adalah ketara jika dilihat kepada penyertaan wanita dalam politik di negara ini, yang mana hanya 24 daripada 222 ahli Dewan Rakyat adalah kaum Hawa.

“Penyertaan wanita dalam politik perlu ditingkatkan agar lebih banyak undang-undang yang responsif gender seperti jenayah seks, had umur berkahwin, keganasan domestik dan hak pekerja dapat digubal.

“Peningkataan wanita dalam politik juga penting dalam usaha mewujudkan dasar-dasar progresif bagi membantu golongan berkaitan yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk menceburti bidang keusahawanan,” jelasnya.

Sambutan Hari Wanita yang memasuki tahun keenam pada tahun ini mengangkat tema ‘Wanita Pemacu Kemajuan’ dengan memfokuskan isu kesaksamaan gender dan keadilan sosial.



TOH PUAN MAJIMOR SHARIFF (barisan depan, tiga dari kiri) diiringi Chong Eng (barisan depan, dua dari kiri) pada majlis sambutan Hari Wanita Sedunia 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 8 Mac lalu.



SEBAHAGIAN wanita yang diraikan Ketua Menteri di Pasar Awam Bagan Ajam.



ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim (tiga dari kiri) ketika meramahi beberapa peniaga di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negerinya.

Kerajaan Negeri mahu rakyat berjaya, maju bersama sebagai sebuah keluarga - Rashid

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

BUKIT TAMBUN - Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri keusahawanan dan berkebajikan, kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Beliau menegaskan, adalah penting bagi usahawan dan peniaga kecil di Pulau Pinang untuk terus maju selari dengan pembangunan negeri ini.

“Salah satu tugas dan tanggungjawab saya sebagai Exco adalah memajukan usahawan dari sekecil-kecil peniaga (pasar malam) hingga ke peringkat IKS (Industri Kecil dan Sederhana), dan dari syarikat sederhana besar kepada peringkat antarabangsa.

“Kita mahu rangkumkan mereka (usahawan) supaya mendapat peluang untuk terus maju khususnya di Pulau Pinang.

“Kami mahu rakyat berjaya dan maju bersama sebagai sebuah keluarga,” ucapnya pada Majlis Perasmian Karnival Usahawan Permotoran di sini 18 Mac lalu.

Acara yang berlangsung selama dua hari menyaksikan penyertaan kira-kira 30 kelab permotoran yang terdiri daripada 1,200 kereta.

Pelbagai aksi menarik dipertontonkan pada pameran kali ini seperti pertunjukkan ‘drift’, pameran helikopter serta pesawat.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid memberitahu, dalam industri permotoran dan automotif, terdapat banyak peluang perniagaan kerana kenderaan merupakan salah satu cabang niaga sangat besar seperti mana arus di negara-negara Eropah.

“Tujuan Karnival Permotoran ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada usahawan-usahawan khususnya yang berminat dengan industri permotoran, supaya mereka dapat memanfaatkan peluang perniagaan



MOHD. RASHID HASNON (menunggang motosikal, kiri) cuba menaiki motosikal berkuasa besar pada penganjuran Karnival Usahawan Permotoran di sini baru-baru ini.

masing-masing,” katanya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat.

Dalam pada itu, pengurus pengajur, Mohd. Amin Abdullah menyatakan bahawa seramai 60 pemandu dan 24 kendara saji (food truck) turut mengambil bahagian dalam pameran tahun ini.

“Ini adalah peningkatan ketara berbanding pertunjukan pertama pada 2015 di Pasar Raya Queensbay yang hanya disertai 20 pemandu,” jelasnya.

Peta Berbasikal Pulau Pinang mudahkan penggemar sukan, pelancong

GEORGE TOWN - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow baru-baru ini melancarkan Peta Berbasikal Pulau Pinang bersempena ulang tahun ketiga komuniti berbasikal, *Bike On Friday* (BoF) pada 16 Mac lalu.

Katanya, peta tersebut diharap menjadi nilai tambah kepada penggemar sukan berbasikal dan para pelancong yang menggunakan mod pengangkutan tersebut.

“Saya berbesar hati melancarkan Peta Berbasikal Pulau Pinang yang merangkumi laluan-laluan basikal sekitar kawasan pulau, dan peta ini diharap dapat memudahkan penggemar sukan ini memilih laluan yang menarik, tempat-tempat tarikan pelancong dan stesen-stesen perkongsian basikal (*LinkBike*).

“Hasil usaha sama Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan badan-badan bukan kerajaan (NGO), kita dapat lihat laluan basikal di serata tempat terutamanya di kawasan pulau sama ada laluan penuh ataupun secara perkongsian kini,” ucapnya pada majlis ringkas pelancaran Peta Berbasikal Pulau Pinang di sini.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi MBPP, Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pengurus Persatuan Basikal Bukit Pulau Pinang (PMA),



CHOW Kon Yeow (dua dari kanan) menunjukkan beberapa lokasi kayuhan menarik pada Peta Berbasikal Pulau Pinang sambil diperhatikan Bakar Nordin (kanan sekali) dan Ar. Yew Tung Seang (tiga dari kanan) di sini baru-baru ini.

Bakar Nordin.

Kon Yeow dalam pada itu turut memaklumkan, melalui inisiatif *LinkBike* yang berusia setahun, sistem perkongsian berkaitan telah mencatatkan 30,197 pemuat naik aplikasi dari 61 negara dengan perjalanan dicatatkan adalah merangkumi 100,048 kilometer.

Bakar ketika ditanya pihak media menyatakan bahawa pendekatan Peta Berbasikal Pulau Pinang merupakan satu idea yang bijak dalam menarik peminat-peminat basikal menggunakan laluan yang disediakan di Pulau Pinang terutamanya para pelancong.

TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0
每日无免费塑胶袋 2.0
mulai 01 Mac 2017 自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.
霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快食店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

Pendaftaran boleh dilakukan di:
可在以下地点登记：

Bahagian Pelesenian MBPP,
Dewan Bandaraya, Jalan Padang
Kota Lama, 10200 Georgetown,
Pulau Pinang.
槟岛市政厅执照部门

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran
Seberang Perai, Jalan PERDA Utama,
Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.
威省市政局一站式柜台

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).
收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama , AES) 计划来作为全槟的除贫基金。

Sebarang Pertanyaan / 任何询问：
Bahagian Pelesenian, MBPP / 槟岛市政厅执照部：04 - 263 8818
Bahagian Pelesenian, MPSP / 威省市政局执照部：04 - 549 7414

TKMI kagum usahawan wanita Pulau Pinang berjaya bawa produk tembusi pasaran antarabangsa

MEWARISI perniagaan ayah, ‘kopi hitam’ yang asalnya diproses dari rumah kampung dekat Tasik Cempedak di Simpang Empat Tasek; pek minimum segera jenama Guarana Cappuccino kini telah menembusi pasaran Singapura, Thailand, Brunei Darussalam serta Arab Saudi.

Pengarah Industri Terang Bulan Food Industries (M) Sdn. Bhd., Hazilah Abd. Rahman, 42, memberitahu, Guarana Cappuccino menjadi satu lagi jenama Pulau Pinang yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa serta mengharumkan nama negeri ini.

Di sebalik kejayaan itu, usahawan wanita berkenaan ada berkongsi cerita dengan wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** dalam satu sesi wawancara dekat Komtar di sini baru-baru ini.

“Dahulu, saya sendiri, selepas SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) adalah ‘minah kilang’, pernah makan gaji sebagai operator sampai menjadi pengurus jabatan di kilang.

“Selepas itu, saya memberanikan diri untuk buang minda ‘makan gaji’ dengan cuba komersialkan ‘kopi hitam’ buatan orang kampung ini, sampai menjadi satu lagi jenama Pulau Pinang di peringkat global,” katanya.

Perkongsian kisah kejayaan usahawan wanita berkenaan sekaligus menangkis dakyah pihak tertentu keronnya Pulau Pinang ketika ini adalah negeri yang susah untuk orang-orang Melayu khususnya kaum peniaga ‘cari makan’.

Maka, tidak hairanlah, rekod pencapaian usahawan wanita kelahiran Pulau Pinang dalam membawa jenama Pulau Pinang ke peringkat antarabangsa itu juga telah menarik minat Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon.

Baru-baru ini Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat bersama-sama Bahagian MMK Keusahawanan melawat sendiri kilang usahawan wanita berkenaan di No. 1937-Q, Kompleks Kilang SME Bank, Jalan IK5 Bukit Minyak.

Negeri Berkebajikan dan Keusahawanan

Bercakap kepada pemberita, Mohd. Rashid antara lain berkata, rekod SME Corporation Malaysia (SME Corp.) dilaporkan memberitahu sebanyak 20.6 peratus wanita di negara ini terlibat dalam bidang keusahawanan dan angka itu dijangkakan meningkat sehingga 23 peratus menjelang tahun 2020.

“Ada kira-kira 800 orang menganggotai Persatuan Peniaga-Peniaga Melayu Pasar Malam Pulau Pinang (PPPMPP), begitu ramai...erti Pulau Pinang negeri tempat orang-orang Melayu cari makan juga.

“Kerajaan Negeri, di bawah (pentadbiran) Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di landasan yang betul, apabila berhasrat menjadikan Pulau



HAZILAH Abd. Rahman bergambar kenangan bersama-sama Mohd. Rashid Hasnon.

Pinang sebagai negeri Berkebajikan dan Keusahawanan.

“Contohnya, Kerajaan Negeri melalui PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) sejak tahun 2009 hingga sekarang telah mengagihkan RM13.5 juta kepada 2,835 usahawan yang menyertai skim pinjaman mikro kredit PTSR (Projek Titian Saksama Rakyat), yang ketika ini 83.5 peratus peserta adalah Melayu.

“Bagi saya, usahawan wanita di Pulau Pinang ketika ini secara umum begitu berdaya saing dan salah seorang kalau boleh disebut nama adalah Pengarah Industri Guarana Cappuccino (Hazilah).

“Bayangkan ‘kopi hitam’ yang asalnya diproses di rumah, sekarang kopi serta pelbagai pek minuman keluaran Guarana Cappuccino ini sudah menjadi satu lagi ‘jenama Pulau Pinang’ di peringkat antarabangsa,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Hapuskan GST

Menurut Mohd. Rashid, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini sebenarnya begitu cakna dengan isu-isu berkaitan peniaga kecil dan usahawan dalam menghadapi situasi ekonomi negara yang tidak menentu serta kian mencabar belakangan ini.

Selain itu, tambahnya, rakyat terutama usahawan serta peniaga kecil merupakan antara golongan yang begitu merasai beban berantai daripada pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan Persekutuan.

“Kita memang memerlukan sokongan semua pihak, termasuk usahawan dan peniaga-peniaga, (kenaan) 6 peratus GST ini akan kita hapuskan dalam tempoh 100 hari jika berjaya menuju kerajaan Persekutuan selepas PRU14 (Pilihan Raya Umum Ke-14) ini,” jelas beliau.

Jenama Pulau Pinang Terbaik!

Manakala, Hazilah dalam wawancara berasingan ada melahirkan rasa bangga

kini mempunyai lima pekerja tetap, tidak termasuk kakitangan-kakitangan kontrak serta agen pemasaran lain.

Harapan

Pada hujung sesi wawancara, Hazilah turut berkongsi harapan beliau terhadap Kerajaan Negeri hari ini.

“Sebagaimana disebut Dato’ Mohd. Rashid, **Pulau Pinang memang mampu mencapai negeri berstatus kebajikan dan keusahawanan jika lebih banyak lagi program ekonomi dianjurkan sendiri oleh kerajaan serta agensi negeri untuk membantu usahawan khususnya daripada kalangan wanita.**

“Dalam keusahawanan, sebenarnya tidak ada lelaki atau wanita, sesiapa sahaja boleh berjaya memasarkan produk tempatan sampai ke peringkat antarabangsa, asalkan berusaha, termasuk memanfaatkan peluang daripada program-program sokongan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.

“Sebagai salah seorang usahawan wanita, saya begitu berharap agar produk jenama Pulau Pinang kami ini boleh diglobalisasikan lagi, kalau boleh menembusi pasaran Indonesia hatta Eropah.

“Ekonomi, walau sebesar mana pun cabarannya, usahawan khususnya wanita mesti jangan putus asa serta cepat mengalah... buat kerja bersungguh-sungguh sampai berjaya.

“Citarasa pelanggan senantiasa berubah, maka aspek pemasaran produk juga mesti lebih dinamik serta berdaya saing,” jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pihak Mohd. Rashid kerana sudi melawat kilangnya baru-baru ini.

HAZILAH ABD. RAHMAN boleh dihubungi melalui nombor telefon 016- 412 5597 atau 04 - 502 5597 (Pejabat) atau 04 - 508 0326 (faksimili) atau guaranacappuccino@gmail.com atau www.terang-bulan.com.my untuk mendapatkan informasi komersial serta pertanyaan lanjut.



MENUNJUKKAN produk-produk keluarannya.

Terkilan prestasi lemah TP1M, Exco seru Pusat segerakan kelulusan baki permohonan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

DATUK KERAMAT - Penduduk Taman Han Chiang dekat Jalan Sungkai di sini dikatakan cukup bertuan apabila kos penyelenggaraan pembaikan bumbung serta pengecatan semula berjumlah RM389,000 dibayai sepenuhnya melalui peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo dan Kerajaan Negeri.

Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berkata, melalui Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP), Kerajaan Negeri bersetuju menampung 80 peratus kos pembaikan bumbung berjumlah RM135,200.

“Manakala, bagi pengecatan semula skim perumahan kos rendah ini, sebanyak RM44,000 atau 20 peratus daripada kos pengecatan ditanggung oleh TPM80PP.

“Ia sekaligus menjadikan kos tanggungan TPM80PP adalah berjumlah RM179,200, dan baki (RM209,800) bagi kedua-dua projek ini bakal dibayai oleh saya selaku ADUN kawasan.

“Sebagai tambahan, kerja-kerja pembaikan bumbung serta pengecatan semula projek ini dijangka siap dalam tempoh tiga bulan bermula hari ini (20 Mac),” katanya ketika hadir merasmikan kerja-kerja pengecatan dekat Taman Han Chiang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Perbadanan Pengurusan Taman Han Chiang, Ung Lay Pheng.

Jagdeep dalam pada itu turut memaklumkan bahawa melalui satu mesyuarat pada pagi 20 Mac lalu, kemaskini maklumat menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sejak 2013 telah membelanjakan RM21.41 juta bagi 138 projek kritis (bawah skim perumahan swasta) melalui TPM80PP membabitkan pembaikan atau pengantian lif, tangki air dan bumbung.

“Ia meliputi kerja-kerja penyelenggaraan di skim-skim perumahan layak, iaitu tidak melebihi



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) dan Ung Lay Pheng (barisan depan, empat dari kanan) merasmikan kerja-kerja pengecatan di Taman Han Chiang di sini baru-baru ini.

harga RM150,000 pada tarikh pembelian... dan juga membelanjakan RM30.6 juta bagi skim perumahan awam di negeri ini sejak 2010.

“Hal ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat gagal dalam program penyelenggaraan TP1M (Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia) apabila hanya 29 permohonan dari Pulau Pinang diluluskan sejak tahun 2013 iaitu daripada jumlah keseluruhan 143

permohonan.

“Memandangkan Perdana Menteri sendiri mengumumkan bahawa RM200 juta telah ‘disuntik’ kepada TP1M melalui Bajet 2018, saya menyeru agar baki permohonan daripada Pulau Pinang dapat diberikan kelulusan segera,” gesanya yang agak terkilan dengan prestasi lemah Kerajaan Persekutuan berhubung penyelenggaraan skim-skim perumahan di negeri ini.

Pembekalan rumah, Kerajaan Negeri berorientasikan tindakan - KM

BAYAN LEPAS - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini adalah berorientasikan tindakan, bukan sekadar menabur janji politik sebagaimana amalan Kerajaan Barisan Nasional (BN) Pusat menjelang musim Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa pentadbirannya telah membekalkan sejumlah 24,227 unit kediaman kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) dalam tempoh tahun 2008 hingga 2017, untuk rakyat di negeri ini.

Walhal tambahnya, **Kerajaan Pusat sehingga kini didapati seakan masih gagal membina walau seunit pun unit Rumah Mampu Milik (RMM) melalui Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) di negeri ini.**

“Kami memenuhi apa yang kami janjikan kerana kami adalah kerajaan berorientasikan tindakan.

“Kerajaan Pulau Pinang kini telah membekalkan 24,227 unit kos sederhana rendah dan sederhana kepada rakyat dari 2008 hingga 2017.

‘Ini adalah lima kali ganda berbanding dengan 5,154 unit projek perumahan kos sederhana rendah dan rendah yang sebelum ini dibina oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang (dari tahun 1999 hingga 2007),’ jelasnya pada Majlis Topping Projek Perumahan Mampu Milik One Foresta di Lengkok Kelicap di sini 17 Mac lalu.

Menurut Guan Eng, sejak 2008, sebanyak 74,161 unit rumah mampu milik antara harga RM42,000 hingga RM300,000 seunit telah dibina, dalam proses pembinaan atau telah diluluskan untuk dibina di Pulau Pinang.

Menurutnya, projek perumahan *One Foresta* tersebut yang terdiri oleh 1,343 unit kediaman berkeluasan 900 kaki persegi dijangka siap pada Disember ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Exco Kebajikan, Masyarakat, Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim antara pemimpin kerajaan yang menyertai majlis tersebut.

KN bersama pemaju usaha sedia keperluan rumah untuk rakyat Pulau Pinang

BATU MAUNG - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan yang pernah disifatkan tidak mempunyai pengalaman mentadbir kini mampu menyediakan kira-kira 24,227 rumah mampu milik (RMM) iaitu lima kali ganda berbanding era Barisan Nasional (BN).

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, jumlah itu adalah dari tahun 2008 sehingga 2017 meliputi (RMM) Jenis A iaitu berharga RM42,000 dan Jenis B (RM72,500).

‘Bagi tempoh sama ketika era BN, iaitu tahun 1999 hingga 2007 mereka (BN) cuma bina kira-kira 5,000 unit sahaja untuk Jenis A dan B... manakala bagi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, sejak tahun 2008 hingga kini, sejumlah 74,161 buah rumah dari Jenis A hingga RMM RM300,000 sudah, sedang dan akan dibina.

‘Bagi, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pula sejak 2008 hingga kini sudah menyediakan

kira-kira 27,000 unit RMM.

‘Anda boleh lihat hampir setiap minggu juga kita adakan program sama ada pecah tanah, penyerahan kunci mahupun memberikan sijil layak menduduki (CCC), sekaligus membuktikan Kerajaan Negeri bersama pemaju berusaha menyediakan keperluan rumah untuk rakyat negeri ini,’ ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada Majlis Pecah Tanah bagi Projek RMM Tree0 oleh Kumpulan Hunza di sini 19 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pengarah Urusan Kumpulan Hunza, Datuk Khor Siang Gin.

Difahamkan projek Tree0 yang dijangka siap pada 2022 mempunyai 1,240 unit RMM yang menyasarkan golongan pendapatan pertengahan.

Taman Upcycle pertama dalam negara, lokasi rekreasi baru penduduk setempat

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

SEBERANG JAYA - Hasil kreativiti kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), sebuah taman berkonsepkan *upcycle* (menggunakan barang terbuang) pertama di Malaysia berjaya direalisasikan bersebelahan Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini.

Majlis perasmian lokasi berkeluasan 9,684.5 meter persegi tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

Beliau ketika berucap menzahirkan rasa tahniah kepada Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud kerana berjaya mengubah kolam takungan kepada sebuah taman rekreasi cantik dengan peralatan yang dihasilkan adalah daripada barang terbuang seperti tayar, kayu palet, botol plastik dan sebagainya.

"Segala projek ini dibuat tanpa kos dan percuma kerana menggunakan bahan kitar semula, tahniah semua!"

"Taman rekreasi dinamakan *Upcycle* mempunyai keunikan yang dibina daripada idea, tenaga dan titisan peluh pekerja MPSP tanpa menggunakan perbelanjaan kecuali kos marginal kecil untuk cat, batu serta simen.

"Anggaplah setiap kemudahan yang

disediakan Kerajaan Negeri ini sebagai aset atau harta kita bersama dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri hijau pertama dalam negara," ucapnya pada Majlis Perasmian Upcycle Park MPSP.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Dalam pada itu, Rozali memaklumkan, antara komponen yang disediakan di taman tersebut termasuk laluan pejalan kaki didekorasi sejauh 400 meter, plaza/dataran kejat menggunakan *interlocking pavers*, bangku diperbuat daripada tayar, batang kayu serta kayu palet dan mini jeti yang diperbuat daripada batang pokok.

"Komponen lain termasuk alat permainan rosak dijadikan barang hiasan pokok bunga, arca daripada botol plastik, angklung buluh, pusat informasi daripada telefon awam terpakai dan kemudahan mengutip sampah menggunakan basikal terapung," jelasnya.

Difahamkan, kemudahan taman tersebut dijangka memberi manfaat untuk aktiviti riadah kepada 25,000 penduduk sekitar Bandar Perda.



KETUA MENTERI dan Sr. Rozali Mohamud menikmati pemandangan di Upcycle Park MPSP sejurus majlis perasmianya di sini baru-baru ini.



PEMANDANGAN tasik yang dihiasi dengan penuh warna-warni.



SALAH satu laluan yang dihias dengan kreatif menggunakan barang terpakai.



14-29 APRIL 2018
SIZZLING FOOD AND CULTURE!



STREET FOOD FESTIVAL
14 - 15 APRIL



TASTE OF PENANG
21 - 22 APRIL



FOOD TRUCK INVASION
28 - 29 APRIL

• Penang Assam Laksa takes 7th place in CNN's listing of the World's 50 Most Delicious Foods

• Two of Penang's street food made it into the World Street Food Top 50 list at the World Street Food Congress 2017

• CNN listed Penang as one of the 17 Best Places To Visit In 2017

www.piff.com.my Penang International Food Festival

Organiser

Endorsed by

Supported by

TLM

Penang

Penang

Penang

Penang

Pesara, penerima APC akui ‘macam keluarga’ bekerja di MPSP

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR**

YAACOB

38 tahun bekerja di MPSP ‘macam keluarga’, kata **ZAITON ABD. RASHID**, 57, ketika ditemui dalam Majlis Penghargaan Pesara Tahun 2018 Dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di Dewan Millenium Kepala Batas di sini 13 Mac lalu.

Serentak itu, seramai 53 kakitangan yang bersara pada tahun ini turut diraikan dalam majlis jamuan tengah hari sama.

Mereka, tidak termasuk 13 waris serta anggota keluarga lain kepada kakitangan yang telah meninggal dunia sepanjang tempoh setahun ini.

Menurut Zaiton, semangat kekeluargaan sebegini terserah kerana corak pentadbiran MPSP adalah ‘dari atas ke bawah’ dan ‘dari bawah ke atas’.

“Berkhidmatlah dengan cara cemerlang, kerana MPSP ini adalah ‘keluarga besar’ kita. Jaga nama baik MPSP.

“Bagi pekerja baru, jangan curi tulang dan bekerjalah dengan baik-baik,” kata kakitangan dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran berkenaan kepada Buletin Mutiara di sini.

Pada majlis berkaitan, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika berucap menyatakan bahawa Kerajaan Negeri hari ini sangat berharap seluruh kakitangan MPSP terus bekerja keras demi memburu pengiktirafan daripada pertubuhan dunia.

“Sumbangan anda kepada MPSP akan dikenang suatu hari nanti jika anda pada hari ini terus bekerja keras,” ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memuji pentadbiran Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud kerana berjaya mewujudkan Upcycle Park dekat Bandar Perda.

“Pembinaan Upcycle Park di Bandar Perda ini boleh dikatakan merupakan yang pertama di Malaysia, dan kelak mereka yang terlibat dalam projek menggunakan

barang-barang kitar semula untuk dijadikan ikon tarikan di taman rekreasi ini, tentu akan dikenang jua seperti kakitangan MPSP bakal bersara pada hari ini,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.



N. Muthu dan M. Letchumi.

N. MUTHU, 60, menyatakan bahawa beliau berkhidmat bersama-sama MPSP selama 38 tahun dan akan bersara wajib pada bulan November ini.

Beliau ditemani isteri, M. Letchumi, 59, melahirkan rasa sebak apabila terkenang pahit manis bekerja sebagai buruh di Jabatan Pembersihan.

“Dahulu saya bekerja sebagai buruh, tapi sekarang saya adalah ‘mandor’.

“Kerja di MPSP, walaupun macam keluarga tapi kita mesti ada disiplin, hanya mereka yang ada disiplin kerja tinggi akan terus bekerja di sini,” katanya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Tambah Muthu, beliau begitu bangga apabila Seberang Perai kian dikenali sebagai sebuah bandar yang bersih.

“Walaupun saya kerja di peringkat bawah, apabila ada orang cakap jalan



SETIUSAHA Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmood (bertudung hijau) beramah-mesra dengan kakitangan yang hadir pada Majlis Penghargaan Pesara Tahun 2018 Dan Majlis APC di sini baru-baru ini.

di Seberang Perai ini bersih, saya sangat bangga dan puas hati,” ujarnya dalam nada sebak.

MUHAMAD ZULKIFLI, Penolong Pegawai Tadbir (Kontrak) merupakan salah seorang penerima APC daripada pentadbir MPSP.

Bercakap kepada pemberita, menurutnya, beliau berasa begitu dihargai apabila mendapat anugerah tahunan kali ini.

“Saya berkhidmat dengan MPSP sejak tahun 2013, dan ini kali pertama saya mendapat APC.

“Pahit manis kerja di MPSP tentulah ada, bagi saya yang terlibat dalam kerja-kerja menjayakan program-program rasmi MPSP.

“Tentulah saya berasa begitu dihargai, selama lima tahun berkhidmat, akhirnya dapat APC daripada MPSP,” katanya sambil merakamkan penghargaan kepada pihak pentadbir MPSP.



MUHAMAD ZULIKRAM ZULKIFLI menunjukkan sijil dimenangi.

MPSP perkenal ‘Caring For The Elderly’ demi hargai masyarakat setempat

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini memperkenalkan pendekatan baru berkONSEP ‘Caring For The Elderly’ demi memastikan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan lebih inklusif selain meningkatkan lagi kualiti hidup masyarakat setempat.

Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud berharap pelaksanaan strategi itu akan dilihat sebagai tanda penghargaan MPSP kepada seluruh masyarakat di Seberang Perai terutama oleh warga emas.

“Saya berpendapat bahawa prinsip ini tidak hanya bergantung kepada tanggungjawab ahli keluarga bahkan ia juga menjadi sebahagian daripada tanggungjawab kerajaan, PBT, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan semua pihak yang berkepentingan,”

ucapnya pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP di sini 9 Mac lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmood, ketua-ketua jabatan dan penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, Ahli-ahli Majlis MPSP, seluruh kakitangan serta wakil-wakil persatuan.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu, antara program yang dianjurkan di bawah strategi baru itu adalah ‘Forest Bathing’ pada 24 Mac lalu.

Program tersebut menurutnya, adalah asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun yang melibatkan aktiviti riadah atau rekreasi ringkas di kawasan hutan hijau sedia ada.

“Forest Bathing ini sudah terkenal lama di Jepun yang disebut juga sebagai ‘Shirin-Yoku’.

“Ini adalah satu konsep ‘Care For



SR. ROZALI MOHAMUD.

The Elderly’ yang mana MPSP ingin mengalakkan warga emas menghirup udara segar dan menghayati alam semula jadi dengan membawa mereka mengelilingi

Bukit Nyior.

“Dengan melihat dan mendengar, ia secara tidak langsung akan mendamaikan hati dan perasaan seterusnya boleh menyembuhkan penyakit atau keadaan kesihatan akan bertambah baik,” jelasnya.

Sementara itu, bersempena sambutan Hari Wanita Sedunia, Rosnani menyatakan bahawa MPSP kini sedang melihat daripada pelbagai perspektif bagi mencapai matlamat keserataan gender.

“Dari segi tenaga kerja profesional, kita (MPSP) hampir mencapai keserataan gender apabila mempunyai 29 kakitangan wanita berbanding lelaki (31).

“Tetapi bagi jumlah keseluruhan tenaga kerja MPSP, hanya 560 orang sahaja tenaga kerja wanita berbanding lelaki (3,573)... ini suatu perbezaan yang amat ketara,” kata beliau.

Kenaan GST terhadap ‘projek rakyat’ tidak boleh diterima

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

BATU LANCANG – Penduduk Blok 56 Taman Sri Perak di sini kini boleh menarik nafas lega setelah Kerajaan Negeri meluluskan RM142,904.96 melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) bagi penukaran dua unit lif baru.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyifatkan bahawa penduduk blok di taman berkenaan berasib baik apabila Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Law Heng Kiang sanggup menyumbangkan baki 20 peratus daripada jumlah keseluruhan projek, sekaligus mengurangkan beban penduduk berpendapatan rendah.

“Kerajaan Negeri sudah sumbang 80 peratus, namun penduduk di sini berasib baik kerana Heng Kiang sanggup tumpang baki 20 peratus iaitu RM35,726.24.

“Jadi satu sen pun tak perlu penduduk keluarkan, ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan menjaga golongan berpendapatan rendah dan kita (Kerajaan Negeri) akan terus buat

sedemikian,” ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Keseluruhan projek yang bernilai RM178,631.20 itu dijangka mengambil masa selama empat bulan untuk disiapkan dan (dijangka) selesai awal Julai 2018.

Jagdeep dalam pada itu turut melahirkan rasa kecewa apabila Kerajaan Pusat turut mengenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) terhadap ‘projek rakyat’ tersebut.

“Tolong orang susah pun dia (Kerajaan Pusat) kenakan GST... untuk dua lif ini kita (Kerajaan Negeri) bayar sejumlah RM10,717.

“Ini langsung tak boleh saya terima, jadi jika Pakatan Harapan menguasai Putrajaya, pertama sekali kita akan hapuskan GST terlebih dahulu,” tegasnya.

Menurut Jagdeep, sejak tahun 2010 hingga kini, Kerajaan Negeri sudah membelanjakan kira-kira RM51 juta bagi menyelenggara skim-skim perumahan awam dan swasta di seluruh Pulau Pinang.

Difahamkan, sejak tahun 2012, KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) Batu Lancang telah menerima manfaat kira-kira RM2 juta dari TPM80PP.



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri), Danny Law Heng Kiang (berkemeja biru) bersama-sama penduduk Blok 56 Taman Sri Perak bergambar kenangan sambil menunjukkan dokumen berkaitan di sini baru-baru ini.

Lif Pangsapuri Seri Nibung berjaya dinaik taraf menerusi TPM80PP

BATU UBAN - Keprihatinan Kerajaan Negeri dizahirkan melalui sumbangan RM208,000 skim Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) apabila empat unit lif di Pangsapuri Seri Nibung, Bukit Jambul dinaik taraf dan berwajah baharu kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan memaklumkan bahawa daripada jumlah keseluruhan RM260,000, RM208,000 adalah dibiayai melalui TPM80PP.

“Baki sebanyak RM52,000 dibiayai sendiri oleh penduduk Pangsapuri Seri Nibung... jadi saya harap penduduk-penduduk di sini dapat menjaganya (lif) dengan baik termasuk semua kemudahan yang ada.

“Kalau lif rosak semua orang susah... malah, saya juga merayu jasa baik tuan-tuan dan puan-puan supaya konsisten dalam menjelaskan yuran penyelenggaraan agar apabila berlakunya masalah kemudahan, perbadanan pengurusan tidaklah berdepan dengan masalah peruntukan,” ucapnya pada Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Lif Pangsapuri Seri Nibung di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Seri Nibung, Low Cheng Chuah.

Sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, Jayabalan menyatakan bahawa beliau akan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Dalam pada itu, Cheng Chuah ketika ditemui turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Jayabalan dalam menjamin keselesaan penduduk-penduduk di situ.

Difahamkan sejak tahun 2017 sehingga kini, sebanyak 19 lif di KADUN Batu Uban telah mendapat kelulusan untuk dinaik taraf.



DR. T. Jayabalan (kiri sekali) ketika mencuba lif baharu Pangsapuri Seri Nibung yang siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.

PIFF
Penang
International
Food Festival

FOOD TRUCK INVASION

28 - 29 APRIL 2018 | 5PM - 11PM | BATU KAWAN
DESIGN VILLAGE OUTLET MALL

www.piff.com.my | Penang International Food Festival

Organiser: TLM
Endorsed by: Penang State Government, City Council, Penang Tourism Board
Supported by: penangglobalexperience.com

STREET FOOD FESTIVAL
14 - 15 APRIL

TASTE OF PENANG
21 - 22 APRIL

FOOD TRUCK INVASION
28 - 29 APRIL

Kelas tuisyen percuma Taman Tun Sardon demi kurangkan beban ibu bapa

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **G. REVATIC**

SERI DELIMA – Kelas tuisyen percuma yang disediakan untuk anak-anak di Taman Tun Sardon adalah bertujuan mengurangkan beban ibu bapa akibat kos sara hidup yang kian meningkat, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer.

Menurutnya, kelas tuisyen percuma yang kini memasuki tahun ketiga pengajarnya menawarkan pembelajaran untuk subjek Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains bagi memastikan para pelajar dapat menguasai subjek-subjek berkaitan.

“Saya berharap dengan kelas bimbingan percuma ini, para pelajar mampu memperoleh pencapaian lebih hebat khususnya dalam tiga mata pelajaran yang sentiasa menjadi cabaran kepada mereka.

“Sekiranya para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mendapat agregat ‘A’,

mereka akan dianugerahi insentif RM100 bagi setiap mata pelajaran,” ucapnya pada Majlis Pelancaran Kelas Tuisyen Percuma dan Serahan Bantuan Warga Emas serta Ibu Tunggal di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Tun Sardon, Mohd. Hafiz Abdul Aziz dan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), para guru dan komuniti setempat.

Dalam majlis sama, seramai 55 penerima yang terdiri daripada warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) masing-masing menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM50 serta barang runcit sebagai tanda penghargaan.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh menyatakan bahawa pengajarnya kelas tuisyen percuma yang dimulakan sejak zaman mendiang ayahnya, Karpal Singh kini akan diteruskan.

“Saya akan teruskan legasi perjuangan ini yang memfokuskan kepada pencapaian dalam bidang akademik anak-anak di keseluruhan kawasan ini,” ujarnya.



R.S.N. Rayer (kiri sekali) dan Ram Karpal Singh (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Pelancaran Kelas Tuisyen Percuma dan Serahan Bantuan Warga Emas serta Ibu Tunggal di sini baru-baru ini.

Sementara itu, salah seorang penerima sumbangan, Siti Hadiah Awang, 71, ketika ditemui wakil Buletin Mutiara menzahirkan

penghargaan kepada Kerajaan Negeri khususnya ADUN Seri Delima yang sentiasa prihatin terhadap kebijakan rakyat.

Projek mitigasi cegah banjir Taman Seri Setia dijadual April

TANJUNG BUNGAH – Kerajaan Negeri melalui beberapa agensi negeri dan Pusat kini dalam perancangan untuk melaksanakan beberapa projek mitigasi membabitkan kawasan Taman Seri Setia di sini sebagai langkah pencegahan banjir.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, projek yang dijadualkan bermula pada pertengahan April 2018 itu juga bakal merangkumi pembinaan jalan pintas menghubungkan saluran longkang di Jalan Lembah Permai ke titik pelepasan di Sungai Kelian.

“Kerja-kerja mitigasi ini dijangka mengambil masa kira-kira sebulan daripada tarikh ia dimulakan.

“(Dan) sebagai makluman, kawasan di sini bukan sahaja rendah, malah hasil siasatan oleh agensi berwajib mendenda bahawa terdapat point sempit atau bottleneck pada longkang dekat Jalan Lembah Permai di sini,” katanya ketika mengadakan lawatan bersama-sama Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit baru-baru ini.

Turut sama, perwakilan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK)

Taman Seri Setia dan Perbadanan Pengurusan setempat.

Pada sidang media berkaitan, Zairil turut menzahirkan penghargaan kepada MBPP, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang yang turut terlibat dalam pelaksanaan projek mitigasi berkaitan.

ZAIRIL Khir Johari (kanan sekali) dan Chris Lee Chun Kit (dua dari kiri) menunjukkan pelan pelaksanaan projek mitigasi dekat Taman Seri Setia pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.



PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG






1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan 700,000 orang!

"Untuk wanita berumur 35 ke atas"

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

Seperti Penang Cun, KM harap rakyat buat ‘undi perubahan’ demi Malaysia

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
 Gambar: AHMAD ADIL MUHAMAD & ENG KOK WEI

#UNTUKNEGRIKITA... Kira-kira 15,000 umum menyertai larian ‘Saya ❤️ Pulau Pinang’ Peringkat Seberang Perai sejauh 6 kilometer (km), lengkap dengan baju-t merah tertera tanda pagar #untuknegerikita dan mesej ‘Penang Cun’.

Berucap di pentas utama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berusia 10 tahun boleh dilihat hari ini kerana majoriti rakyat negeri dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU12) pada 8 Mac 2008 lalu berani membuat ‘undi perubahan’.

Justeru tambahnya, Malaysia yang lebih bermaruah boleh wujud seperti ‘Penang Cun’ kelak, jika majoriti rakyat menyokong Pakatan Harapan pada pilihan raya umum nanti.

“Saya masih ingat Pulau Pinang pernah dikenali sebagai ‘Darul Sampah’, tetapi selepas kita (Pakatan) mengambil alih tampuk Kerajaan Negeri ini, semua rakyat dapat merasai perubahan yang begitu ketara, diiktiraf sebagai salah satu bandar paling bersih peringkat Asia Tenggara.

“Semua dapat merasai perbezaan, Pulau Pinang hari ini lebih bersih dan lebih cun, sebab itu kita sebut ‘Penang Cun’.

“Kalau rakyat Malaysia pun mahu menjadi cun seperti ‘Penang Cun’, buat undi perubahan dalam pilihan raya umum kali ini nanti,” serunya yang juga Ahli Parlimen Bagan di hadapan Bangunan Datuk Haji Ahmad Badawi sebelum menyempurnakan acara pelepasan peserta di sini 11 Mac lalu.

BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan pada majlis penganjuran larian ‘Saya ❤️ Pulau Pinang’ Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.



Hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyertai acara berkaitan.

Guan Eng yang juga Timbalan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) nasional sekali lagi mengulangi hasrat untuk menghapuskan Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) dalam 100 hari jika pakatan pembangkang berjaya menubuhkan Kerajaan Persekutuan kelak.

Selepas acara larian selesai, kelihatan semua peserta mengambil kesempatan merakamkan gambar kenang-kenangan di ruang-ruang bergambar ‘Saya ❤️ Pulau Pinang’ yang disediakan, selain mengikuti konsert santai di sini.



RAKAMAN drone dari ruang udara.

AKSI-aksi peserta yang mengambil bahagian.